

Bil. 64

**Rabu
12 November 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1998

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B. 18

(Ruangan 13)

Maksud B. 19

(Ruangan 27)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1998

Jawatankuasa:

Maksud P. 18

(Ruangan 13)

Maksud P. 19

(Ruangan 27)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. A bas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

- Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,
P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- Yang Berhormat Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala
Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWANRAKYAT**

Rabu, 12 November 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said.

[Soalan No. 1 - Y.B. Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah] tidak hadir]

**AKTA PENDAFTARAN JURUTERA 1974 -
CADANGAN PINDAAN**

2. Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian akan mencadangkan satu pemindaan Akta Pendaftaran Jurutera 1974 berkenaan komposisi lembaga pengarah dan ekuiti syarikat yang ingin mendaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia iaitu untuk membenarkan lain-lain orang perseorangan yang tidak termasuk dalam profesion yang berkaitan dengan amalan kejuruteraan untuk memegang ekuiti dan/atau menjadi ahli lembaga pengarah supaya syarikat-syarikat jurutera akan mendapat kemahiran yang luas dan juga kesenangan untuk mendapat penyertaan ekuiti untuk menghadapi cabaran dan bersaing dengan efektif apabila "General Agreement on Trade and Services" di bawah WTO (World Trade Organization) dilaksanakan di negara ini; dan
- (b) berapakah bilangan kekurangan jurutera dan apakah disiplin mereka dan langkah-langkah jangkamasa panjang yang kementerian dan Lembaga Jurutera Malaysia akan ambil untuk mengurangkan kekurangan ini seperti menggalakkan pelajar-pelajar mengambil minat dalam bidang kejuruteraan seperti mengadakan ceramah dan menayangkan rancangan televisyen yang mempunyai lebih penekanan terhadap profesion kejuruteraan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pindaan sedang dibuat ke atas Akta Pendaftaran Jurutera 1967. Cadangan pindaan itu akan juga memberi perhatian ke atas soal syarat-syarat yang akan ditetapkan untuk menubuhkan dan mendapat pendaftaran sebagai sebuah syarikat perunding. Dalam hubungan ini, soal sama ada ahli lembaga pengarah mestilah terdiri dari ahli-ahli profesional tempatan seperti jurutera, arkitek dan juruukur bahan akan diberi pertimbangan. Demikianlah pula halnya dalam soal pemegangan ekuiti. Perkara pemegangan ekuiti akan diberi pertimbangan yang terperinci.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa antara matlamat utama pindaan kepada Akta Pendaftaran Jurutera ialah untuk membolehkan syarikat-syarikat perunding memainkan peranan yang lebih dinamik dan proaktif supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara. Pindaan ini juga mengambil kira peruntukan yang ditetapkan dalam WTO di mana kita tidak sepatutnya menetapkan syarat yang mencanggah peruntukan WTO.

- (b) Berdasarkan maklumat mengenai jawatan jurutera dari berbagai disiplin yang diluluskan dan maklumat pengisian jawatan-jawatan berkenaan sehingga bulan Oktober 1997, kedudukan kekosongan jawatan jurutera dalam perkhidmatan awam mengikut disiplin ialah seperti berikut:

	Bilangan Jawatan	Bilangan Isi	Bilangan Kosong
Jurutera Awam	1093	842	251
Jurutera Elektrikal	185	146	39
Jurutera Mekanikal	<u>160</u>	<u>125</u>	<u>35</u>
Jumlah	1438	1113	325

Sementara kekosongan jurutera berbanding dengan keperluan negara berdasarkan angka bekalan dan keperluan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sejumlah 7,291 orang. Pecahan mengikut disiplin adalah seperti berikut:

	Kekurangan
Jurutera Awam	4,915
Jurutera Elektrikal/Elektronik	3,260
Jurutera Mekanikal	2,259
Jurutera Kimia	198 (Lebihan)
Lain-lain	2,945 (Lebihan)

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kekurangan ini termasuklah:

- menggalakkan pembantu teknik yang sedang berkhidmat melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma Lanjutan atau Ijazah dengan diberi kemudahan cuti separuh gaji;
- memberi ceramah di kolej, sekolah serta mengadakan seminar-seminar di jabatan kerajaan dan swasta dengan kerjasama Institusi Jurutera Malaysia dan Persatuan Jurutera Perunding Malaysia;
- menyebarkan maklumat melalui Buletin Ingenieur/Berita Ingenieur yang diterbitkan oleh Lembaga Jurutera;
- berhubung dengan universiti-universiti tempatan dan Kementerian Pendidikan untuk menambahkan bilangan tempat dalam bidang kejuruteraan dan penilaian juga sedang dijalankan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar yang mengambil Ijazah Kejuruteraan melalui Program Berkembar (Twinning Programme).

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri sila memberitahu sama ada dalam profesyen kejuruteraan terdapat ahli-ahlinya yang telah cuai di dalam profesionalisme ini dan telah digantung sebagai ahli atau kelayakannya, misalnya seperti tragedi di Highland Towers di mana jurutera didapati cuai dalam bidang ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Jurutera telah mengambil tindakan atas beberapa jurutera, tetapi penggantungan itu dilakukan ke atas seorang atau dua sahaja, oleh kerana kes mereka lebih serius.

Berkenaan dengan tragedi Highland Towers itu, kita sendiri tidak mempunyai apa-apa maklumat berkenaan dengan jurutera yang telah digunakan oleh syarikat itu. Jadi perkara itu sudah masuk dalam mahkamah, oleh kerana itu kita serahkan kepada keputusan mahkamah.

Tuan Vicent Lim Kuo Phau: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Lembaga Jurutera bertujuan untuk menentukan tahap profesionnya terjamin. Sukacita saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang berlakunya tiga kejadian di mana gantry train telah jatuh rebah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila bertanya ya, jangan minta perhatian atau sebagainya.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: Bukan berucap, tetapi memberikan penjelasan dahulu.....

Tuan Yang di-Pertua: Buat dalam cara pertanyaan ya.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau: Ada tiga kejadian bagaimana gantry train telah jatuh rebah. Persoalan saya kepada Yang Berhormat Dato' Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri akan mengarahkan pihak lembaga untuk mengambil tindakan supaya siasatan sewajarnya diambil terhadap pihak jurutera yang berkenaan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita dapat laporan atau aduan dari pihak yang berkenaan, kita boleh juga mengambil tindakan dengan serta-merta. Jikalau tidak ada laporan atau aduan, saya percaya ini hanya sedikit masalah sahaja, jadi kita tidak boleh mengambil tindakan atas profesional mereka tanpa apa-apa maklumat daripada mana-mana pihak. Jika kita membuat sebegini mereka juga boleh mengambil tindakan mahkamah ke atas kita.

PENGUASAAN BAHASA INGGERIS - KEGAGALAN PELAJAR

3. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah usaha kementerian untuk memastikan pelajar-pelajar Melayu yang sejak selama 11 tahun diajar Bahasa Inggeris tetapi gagal menguasai bahasa berkenaan, adakah kementerian bercadang untuk merombak kaedah pembelajaran mata pelajaran berkenaan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah menjalankan beberapa projek untuk meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar dalam mata pelajaran bahasa Inggeris. Antaranya ialah:

- (i) guru-guru bahasa Inggeris diberi kursus tentang strategi baru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris;

- (ii) pendedahan kursus-kursus kefasihan bahasa Inggeris yang merangkumi kemahiran 3M;
- (iii) penekanan kepada metodologi baru seperti dengan izin, 'Learning How to Learn' dan 'Self-Access Learning';
- (iv) menggalakkan tabiat membaca dalam bahasa Inggeris melalui projek 'Class Reader', dengan izin;
- (v) elemen-elemen baru dalam sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran supaya pembelajaran bahasa Inggeris menjadi lebih menarik;
- (vi) mengadakan 'Hari Bahasa Inggeris' seminggu sekali di sekolah-sekolah dan menjalankan acara perhimpunan sekolah dalam bahasa Inggeris sebulan sekali.

Kementerian Pendidikan berharap projek-projek tersebut akan dapat membantu semua pelajar termasuk pelajar Melayu menguasai bahasa tersebut. Ibu bapa dan masyarakat juga memainkan peranan penting terhadap peningkatan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun enam puluhan dahulu Kementerian Pelajaran ketika itu ada menjemput guru-guru bahasa Inggeris yang terdiri daripada peace corps daripada Amerika Syarikat dan juga guru-guru dari British Council. Adakah pihak Kementerian Pendidikan sekarang ini berhasrat membuat pendekatan yang sama agar mutu pengajaran dan pendedahan penguasaan bahasa Inggeris ini dapat ditingkatkan dengan kaedah yang demikian?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ada kita bincangkan, cuma yang kita kena teliti dengan lebih cermat lagi ialah tentang kos sekiranya kerajaan hendak membuat keputusan bagi menampung keperluan itu di masa-masa akan datang.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila. Sungai Petani, Yang Berhormat.

Che Ibrahim bin Mustafa: Kelemahan pelajar-pelajar di luar bandar dalam bahasa Inggeris terbit daripada kurangnya minat dan pendedahan yang amat sangat di kalangan pelajar-pelajar ini. Saya berpendapat bahawasanya salah satu cara untuk

mengatasi masalah ini ialah dengan mengadakan kem-kem bahasa Inggeris pada waktu-waktu cuti sekolah dan pada masa sekolah. Saya hendak bertanya sama ada Kementerian Pendidikan mempunyai peruntukan khusus untuk program-program sedemikian.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar dan saya sependapat dengan pandangan Yang Berhormat bahawa salah satu perkara yang paling pokok dalam mengatasi atau menghadapi masalah ini ialah soal minat dan juga banyak mana kemudahan-kemudahan yang perlu kita berikan kepada pelajar-pelajar. Dari segi kementerian memang kita ada satu peruntukan untuk mengendalikan kegiatan-kegiatan demikian, seperti yang pernah kita buat melalui gerak-gempur bukan sahaja untuk mata pelajaran bahasa Inggeris, tetapi juga mata pelajaran matematik dan lain-lain yang kita fikirkan sesuai untuk membantu anak-anak kita yang ada di sekolah-sekolah.

LADA HITAM-KEJAYAAN KEMENTERIAN MENYELIDIK/MEMBANGUN/MENGELUAR DAN MEMASAR

4. Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu] minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana kejayaan kementeriannya dalam menyelidik, membangun, mengeluarkan dan memasarkan produk lada hitam nilai ditambah. Berapa banyakkah wang telah dibelanjakan ke atas penyelidikan. Apakah produk tersebut dan berapakah nilai jualannya setiap tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui agensi di bawahnya iaitu Jemaah Pemasaran Lada Hitam dan Jabatan Pertanian Negeri Sarawak ada menjalankan penyelidikan, pembangunan, pengeluaran dan pemasaran lada hitam produk ditambah nilai melalui aktiviti pembangunannya dan setakat ini ia telah berjaya mengeluarkan tiga jenis produk yang telah berjaya dipasarkan secara komersial iaitu:

- (i) Lada putih krim
- (ii) Lada hitam bersih asli
- (iii) Lada serbuk

Secara keseluruhannya, wang peruntukan yang telah diperuntukkan untuk menjalankan penyelidikan dan membangunkan produk-produk lada ditambah nilai ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak RM3.35 juta.

Nilai jualan produk-produk yang tersebut setiap tahun adalah seperti berikut:

(a) **Lada Putih Krim**

Tahun	1995	- RM	132,836.00
	1996	- RM	272,517.00
	1997	- RM1,245,000.00	
	(Januari - Ogos)		

(b) **Lada Hitam Bersih Asli**

Tahun	1995	- RM	145,358.00
	1996	- RM	416,830.00
	1997	- RM	573,175.00

(c) **Lada Serbuk**

Tahun	1995	- RM	654,268.00
	1996	- RM1,096,364.00	
	1997	- RM1,113,112.00	

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lada ialah satu tanaman pertanian yang diusahakan dengan jayanya oleh masyarakat pekebun kecil Sarawak. Mereka bekerja keras tetapi masalah besar yang dihadapi ialah ketidakstabilan harga.

Saya ingin bertanya apakah langkah dan usaha yang kementerian ambil untuk menstabilkan harga seperti perjanjian dagang dengan para pembeli seluruh dunia dan sebagainya supaya penanam lada di Sarawak mendapat faedah dari tanaman tersebut.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, kita ada perjanjian dengan antarabangsa, tetapi saya pun kurang pasti disebabkan negara-negara yang terlibat adalah kecil sekali dan saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mengikut sejarah lada juga ditanam di Johor selain daripada di Sarawak. Saya difahamkan pulangan pendapatan lada adalah lebih tinggi daripada kelapa sawit. Jadi, kenapakah tumpuan tidak diberi kepada penanaman lada, tetapi hanya ditumpu kepada kelapa sawit dan apakah masalah-masalah teknikal ataupun masalah lain yang berbangkit atas penanaman dan pengeluaran lada?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, penanaman adalah bergantung kepada permintaan pasaran dan kita dapati bahawasanya permintaan terhadap lada hitam adalah kurang

sedikit daripada kelapa sawit, sebab itulah ditanam di kawasan yang luas. Dari segi penyelidikan pihak kerajaan akan terus memainkan peranan dari segi memasarkan lada. Saya juga percaya ini adalah bergantung kepada pasaran dan harga yang didapati.

**LALUAN BERBAGAI TINGKAT -
PERTIMBANGAN UNTUK PEMBINAAN**

5. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) sama ada kerajaan dapat mempertimbangkan untuk membina laluan berbagai tingkat (multi-level-way) iaitu jejantas (flyover) dan jalan bawah tanah (subway) di semua persimpangan lalu lintas yang sesak yang menjadi punca kesesakan lalu lintas di bandar-bandar utama, terutama sekali seperti di Kuala Lumpur di negara kita; dan

(b) jumlah penumpang yang dibawa oleh Sistem Transit Aliran Ringan (STAR) sehari di Kuala Lumpur.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri telah pun menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Sibu ini pada 10 November 1997 pada hari Isnin, jadi tidak ada jawapan lain yang akan ditambah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood.

[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai] tidak hadir]

**ZAKAT - MEMPERBAIKI SISTEM
PENGURUSAN**

7. Tuan Akhbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran] minta Perdana Menteri menyatakan bilakah sistem pengurusan zakat di negara ini dapat dibaiki seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, kerana baru-baru ini seorang pegawai zakat di sebuah pejabat berjaya juga menyelewengkan hasil zakat berjumlah RM180,000.00

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, urusan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun kerajaan pusat memang sedar betapa pentingnya diperbaiki sistem pengurusan zakat dan diselaraskan di seluruh Malaysia. Pada masa ini pihak kerajaan, melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam peringkat akhir kajian terhadap penyelarasan sistem pengurusan zakat di negara ini

bermatlamatkan ke arah penubuhan sebuah lembaga dinamakan Lembaga Urusan Zakat Malaysia (LUZAM), iaitu sebuah badan yang akan mengendalikan urusan zakat, khususnya zakat pendapatan penggajian. Perkara ini akan dapat dilaksanakan setelah kesemua negeri mewartakan fatwa berkaitan dengan zakat yang telah dipersetujui oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Zakat dalam Islam ini ialah supaya kita yang berada mengeluarkan zakat dan hasil daripada ini diberi kepada umat Islam saudara kita yang kurang berada.

Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri walaupun zakat ini di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri, ada kerajaan-kerajaan negeri yang menggunakan wang zakat ini dengan begitu profesional dengan mengadakan tenaga kerja yang berkelulusan profesional, membanyakkan dan memperbesarkan zakat serta sistemnya berjalan dengan baik. Mungkin dengan menyelaraskan pentadbiran agama seluruh negara kita ini, adakah pihak kementerian ingin menjadikan pejabat zakat ataupun badan yang ditubuhkan ini sebagai satu badan misalnya seperti badan korporat yang boleh memperbesar, membantu dan mempertingkatkan PPRT orang Islam kita dan sebagainya? Di samping itu apakah tindakan kerajaan kepada tokoh parti PAS yang mengutip zakat ini?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sedang menguruskan dan menyusun pentadbiran zakat ini supaya berjalan dengan sempurna. Perkara yang pertama ialah aspek undang-undang.

Mengikut undang-undang yang ada sekarang iaitu Enakmen Hukum Syarak di negeri-negeri tidak ada orang yang boleh memungut zakat daripada mana-mana pihak individu ataupun syarikat untuk disebarkan kepada orang lain. Yang boleh hanya menerima zakat untuk dirinya sahaja, maka perbuatan mana-mana pihak memungut zakat untuk dibelanjakan untuk pihak lain, itu adalah salah di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri.

Perkara yang kedua, yang hendak disatukan ialah perkara undang-undang ini, kita berusaha untuk memperbanyak sumber zakat dari segi undang-undang. Yang ada pada hari ini peraturan zakat, undang-undang hanya padi sahaja, zakat yang

diwajibkan mengikut undang-undang negeri. Ada pun hukum syarak banyak lagi sumbernya, maka kita sedang berusaha sekarang supaya orang membayar zakat daripada sumber lain seperti wang simpanan, pemegang syer dan sebagainya. Insha-Allah perkara ini akan dilaksanakan.

Perkara yang satu lagi ialah tentang pungutan zakat, penyusunan semula ialah ke arah meng'corporatise'kan pungutan zakat. Bagi negeri-negeri yang sudah menjalankan hari ini kutipan telah meningkat banyak sekali. Wilayah Persekutuan menjalankan cara corporatisation ini daripada RM8 juta pungutan meningkat kepada RM52 juta setahun. Di negeri Pulau Pinang daripada RM3 juta dalam masa tiga tahun meningkat kepada RM15 juta. Ertinya banyak lagi sumber zakat yang tidak dipungut kerana sistemnya tidak berjalan dengan baik. Adapun tentang pengagihan zakat, kita sedang menguruskan supaya pengagihan zakat ini berjalan dengan sempurna. Walau bagaimanapun suka saya sebutkan bahawa zakat ialah untuk kumpulan yang termiskin. Soal pembasmian kemiskinan ini dan membela nasib orang miskin sudah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Begitu juga soal-soal kegiatan agama yang dahulu berjalan di bawah Jabatan Agama, Majlis Agama dan sumber zakat menjadi sumber wang yang utama juga hal-hal seperti ini, pengajian agama, pengajian di masjid, imam, surau dan sebagainya diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan kerana kita memasukkan pentadbiran Islam dalam arus perdana kerajaan, maka ruang untuk perkhidmatan zakat ini tidak banyak lagi. Walau bagaimanapun kita akan menguruskan dengan sempurna.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi individu-individu Muslim apabila membayar zakat maka wang zakat ini akan dipotong daripada cukai pendapatan. Jadi, saya ingin tahu adakah cadangan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri untuk kita menggalakkan zakat bagi syarikat-syarikat bumiputera ataupun syarikat-syarikat yang ekuiti besarnya adalah Muslim. Adakah mereka ini juga apabila mereka menjelaskan zakat akan dikecualikan daripada cukai pendapatan?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Undang-undang di dalam cukai pendapatan yang ada setakat ini ialah untuk individu iaitu amaun yang dibayar untuk zakat dipotong daripada cukai yang kena bayar oleh seorang individu. Tetapi bagi syarikat belum lagi walau bagaimanapun kesedaran ke arah itu sudah wujud.

**MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM-
PERLAKSANAAN KURIKULUM BARU**

8. Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah kurikulum baru untuk mata pelajaran Pendidikan Islam akan dilaksanakan sepenuhnya di sekolah-sekolah dan apakah isi kandungan dan pengubahsuaian yang diadakan; dan
- (b) apakah dengan pelaksanaan kurikulum ini masalah-masalah tidak dapat membaca dan menghayati Al-Quran di kalangan murid-murid akan dapat diatasi.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kurikulum baru Pendidikan Islam diuji di dua puluh buah sekolah rendah dan dua puluh buah sekolah menengah pada tahun ini dan dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya di semua sekolah mulai tahun hadapan. Berdasarkan percubaan yang dibuat didapati kurikulum ini lebih berkesan kerana memberi tumpuan yang lebih khusus kepada perkara-perkara yang diajar dan penglibatan murid adalah lebih tinggi di dalam pengajaran pembelajaran. Isi kandungan kurikulum baru ini tidak banyak berbeza berbanding kurikulum lama. Kurikulum baru juga memberi penekanan kepada nilai-nilai akhlak bagi membentuk generasi yang berakhlak di samping ia juga memberi penekanan kepada makna dan falsafah tiap-tiap ibadah yang dilakukan. Pengolahan isi kandungan juga mengambil kira mata pelajaran lain secara bersepadu termasuklah isu-isu semasa seperti kesihatan, alam sekitar dan sebagainya.
- (b) Kementerian Pendidikan yakin bahawa dengan pelaksanaan kurikulum baru dan juga kerjasama daripada semua pihak, maka masalah tidak dapat membaca Al-Quran di kalangan murid akan dapat diatasi. Kementerian sentiasa sedar bahawa penguasaan kepada kemahiran membaca Al-Quran dan menghayati ajaran Al-Quran ini memerlukan pimpinan dan didikan yang berterusan khususnya daripada ibu bapa. Adalah diharapkan semua ibu bapa tidak melepaskan tugas ini semata-mata kepada Kementerian Pendidikan sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya agak gembira kerana Kementerian Pendidikan mendapati perkara ini berkesan. Soalan saya apabila kurikulum baru sekolah agama ini diperkenalkan di seluruh negara, meliputi sekolah menengah dan rendah.

Sebagai anak Johor saya ingin mendapat tahu apakah akan jadi kepada institusi sekolah agama Johor yang sekarang ini dikendalikan oleh Kerajaan Johor dan mempunyai kurikulum yang agak terkenal di seluruh negara. Adakah ini bermakna institusi sekolah agama Johor akan terbatal sekali gus dengan pelaksanaan perkara yang kita bincangkan hari ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dalam proses pelaksanaan ini kita mengadakan kordinasi dan perbincangan dengan semua lapisan yang terlibat dan kita tidak amalkan cara-cara yang berunsur atau ada unsur-unsur paksaan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam sistem lama pendidikan agama, mata pelajaran jawi adalah termasuk dalam mata pelajaran agama, sedang dalam pendidikan dahulu mata pelajaran jawi itu adalah termasuk dalam subjek Bahasa Malaysia. Adakah dalam pendidikan baru yang akan dibentuk ini, tulisan jawi itu akan dimasukkan dalam pembelajaran Bahasa Malaysia tidak dalam mata pelajaran agama. Bagi pandangan saya sekiranya termasuk dalam mata pelajaran agama nanti masa itu agak terhad untuk pendidikan agama.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal yang paling pokok ialah untuk melihat anak-anak kita dapat menguasai tulisan jawi dan mana yang kita fikirkan sesuai seperti yang dilaksanakan sekarang ini akan diteruskan dan kalau kiranya melalui penelitian kita, ia perlukan kepada pengubahsuaian, kita tidak ada masalah untuk berbuat demikian.

**PENCEMARAN ALAM SEKITAR OLEH
KILANG-KILANG DI MALAYSIA**

9. Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada pihak kementerian sedar bahawa, kini pencemaran alam sekitar oleh kilang-kilang di Malaysia semakin meningkat. Sila pihak kementerian nyatakan:

- (a) bilangan kilang-kilang terutamanya kilang minyak, yang mencemarkan alam sekitar di Malaysia; dan
- (b) sama ada kementerian sedar bahawa ada kilang-kilang yang mengambil kesempatan untuk melepaskan pencemarannya melebihi hadnya selepas waktu pejabat seperti:
 - (i) kilang-kilang sepanjang Lebuh raya Utara-Selatan Slim River - Tanjung Malim)
 - (ii) kilang Asid di Menglembu, Ipoh.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran alam sekitar daripada kilang-kilang pada umumnya adalah terkawal.

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kilang-kilang terutamanya kilang minyak yang boleh mendatangkan pencemaran alam sekitar adalah berjumlah 512 dan pecahannya adalah seperti berikut:

(i) kilang minyak kelapa sawit	282
(ii) kilang minyak kelapa	57
(iii) kilang minyak isiruang kelapa sawit	63
(iv) kilang minyak sayuran	<u>110</u>
Jumlah	<u>512</u>

Kebanyakan kilang-kilang ini telah mematuhi peraturan-peraturan alam sekitar.

- (b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar bahawa terdapatnya kilang-kilang yang mengambil kesempatan untuk melepaskan pencemarannya melebihi had dibenarkan selepas waktu pejabat. Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, kilang-kilang di sepanjang Lebuh raya Utara-Selatan (Slim River-Tanjung Malim) dan kilang-kilang di Mengelembu, didapati tidak melakukan pencemaran di luar waktu pejabat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri menyebutkan mengenai Slim River, tetapi bukan sungai. Saya hendak minta penjelasan. Kita dapati

banyak kilang di sepanjang Sungai Langat dan air Sungai Langat merupakan sumber bagi penduduk di Lembah Kelang, bukan sahaja di Hulu Langat tetapi juga di Kuala Langat. Jadi, didapati ada kilang-kilang yang mengambil kesempatan untuk melepaskan buangan seperti Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri sebut tadi. Apakah tindakan yang sedang dan boleh diambil oleh Jabatan Alam Sekitar untuk menangani masalah ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Samples air ini telah diambil dan ianya sedang dibuat analisis oleh jabatan kimia. Sekiranya didapati ianya mengandungi unsur-unsur kekotoran, asid, begitu dan begini maka tindakan undang-undang akan diambil. Insya-Allah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri ada menyebutkan bahawa pencemaran adalah terkawal, tetapi daripada maklumat yang saya tahu seperti di negeri Johor daripada 16 sungai, 4 sudah menjadi sungai mati iaitu tanpa dissolve oxygen, dengan izin, dan 12 sudah tercemar, tetapi belum sampai tahap yang serius. Hanya 2 sungai sahaja yang bersih, jadi adakah ini membuktikan bahawa pencemaran sudah terkawal?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Daripada makluman yang kita terima sekarang ini ianya terkawal. Seandainya ada berlaku perkara-perkara seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu sila laporkanlah kepada jabatan kami.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA - RANCANGAN DAN INSENTIF KEWANGAN

10. Dato' Hon Choon Kim [Seremban] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jenis rancangan dan insentif kewangan untuk menggalakkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menggunakan lebih banyak bahan-bahan tempatan dan proses pembuatan barangan untuk dieksport; dan
- (b) langkah yang diambil untuk menyediakan mereka menghadapi cabaran dan persaingan yang hebat apabila AFTA dikuatkuasakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kerajaan memang menggalakkan penggunaan bahan tempatan dalam sektor perkilangan. Kerajaan telah pun mewujudkan Program Rantaian Industri yang bertujuan menggalakkan industri kecil dan sederhana (IKS) membekalkan komponen-komponen dan barang-barang perantaraan kepada syarikat besar dan multinasional. Penggunaan barang perantara keluaran IKS akan meningkatkan lagi penggunaan bahan tempatan dalam produk yang dieksport.

Di bawah Program Rantaian Industri syarikat vendor termasuk IKS yang mengeluarkan barang perantara dalam senarai produk yang digalakkan, akan diberikan insentif Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan bagi tempoh 5 tahun. Di samping itu, syarikat IKS yang mengeluarkan barangan perantara yang bertaraf dunia akan diberi insentif taraf perintis selama 10 tahun atau elaun cukai pelaburan dengan pengecualian sebanyak 100 peratus selama 5 tahun.

Kerajaan juga memberikan potongan cukai kepada syarikat-syarikat besar yang memberikan bantuan teknikal kepada syarikat IKS. Potongan cukai tersebut adalah bagi perbelanjaan membuat audit kilang, latihan pekerja dan pembangunan serta ujian (testing) produk bagi memastikan kualiti keluaran oleh syarikat IKS. Insentif ini akan menggalakkan syarikat besar dan multinasional menggunakan produk tempatan berkualiti tinggi yang dikeluarkan oleh syarikat IKS.

- (b) pelaksanaan AFTA akan melibatkan program yang menyeluruh bagi mengurangkan halangan-halangan perdagangan di dalam kawasan ASEAN. Oleh itu AFTA adalah cabaran kepada syarikat tempatan termasuk IKS, supaya merancang daripada sekarang untuk menjadi lebih kompetitif dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. MITI sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat tempatan supaya meningkatkan kecekapan pengeluaran, produktiviti dan kualiti produk serta mengurangkan dan kos pengeluaran mereka dan memasuki pasaran ASEAN

apabila tarif diturunkan. Penerangan dan penjelasan kepada sektor swasta mengenai cabaran-cabaran di dalam AFTA adalah dibuat melalui majlis penerangan dan seminar-seminar pelaburan tempatan.

Tuan Ho Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu jumlah eksport yang dikeluarkan oleh IKS pada tahun ini dan sama ada eksportnya menunjukkan pertambahan ekoran daripada kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding dengan mata wang di negara-negara lain.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka jumlah eksport oleh IKS. Tetapi saya ingin menyarankan berkenaan dengan 'the mith' dari segi kejatuhan Ringgit dan harga barangan yang dijual di pasaran antarabangsa. Oleh kerana seperti saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, pembelian sesuatu barangan ataupun pemasaran sesuatu barangan tidak bergantung kepada harga semata-mata. Saya telah menceritakan dari segi the marketing mix, empat 'P's' of the marketing mix dan saya berharap kita tidak dibuaikan dengan kejatuhan mata wang kita berbanding dengan yang lain. Oleh kerana mata wang Thai Baht, Rupiah dan juga Peso juga jatuh. Ini memberikan mereka lebih dari segi competitive heave kalau dibandingkan dengan negara kita sendiri.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah sumbangan IKS kepada ekonomi negara dari segi nilai dan peratusannya? Apakah nilai dan juga dari segi peratusan kepada GNP apabila AFTA dikuatkuasakan dan kalau ia susut, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan sumbangan kepada ekonomi negara tidak susut?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memohon notis berkenaan dengan sumbangan IKS kepada nilai eksport dan sebagainya.

Dari segi AFTA Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai jumlah barangan yang banyak, yang akan dikurangkan tarifnya iaitu pada masa ini sebanyak 45,600 jenis barangan yang akan dikurangkan tarifnya. Yang lainnya itu saya mohon untuk memberi jawapan secara bertulis.

KAD PENGENALAN BARU - BILANGAN PERMOHONAN

11. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan rakyat negara ini yang belum mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan baru dan bilangan rakyat negara ini yang telah mendapat kad pengenalan baru tetapi masih belum mengambilnya; dan
- (b) adakah kerajaan mempunyai peruntukan untuk melupuskan kad pengenalan yang belum dituntut selepas tempoh masa yang tertentu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan rakyat negara ini yang belum menukar Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) setakat 30 September 1997 ialah 525,906 orang dan bilangan kad pengenalan siap yang tidak diambil oleh pemilik ialah 44,696.
- (b) Memang ada peruntukan di dalam Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang membolehkan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara melupuskan kad pengenalan yang tidak diambil oleh pemiliknya selepas tempoh 18 bulan kad pengenalan itu dikeluarkan. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan belum bercadang untuk berbuat demikian.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu semenjak kita memperkenalkan penggunaan kad pengenalan baru, sehingga kini berapa banyakkah terdapat kad-kad pengenalan yang telah dipalsukan. Jadi, apakah bentuk-bentuk pemalsuan yang terdapat pada kad pengenalan baru dan berapa ramai pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara yang terlibat di dalam menyalahgunakan kuasa dan ditahan di bawah ISA berhubung dengan pembabitian di dalam kad pengenalan palsu?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat saya beri satu angka yang tepat berapa banyak kad pengenalan yang dipalsukan, cuma yang dapat dijumpai itu kebanyakannya adalah kad pengenalan dahulu yang berbentuk plastik. Itu yang lebih senang dipalsukan. Itulah salah satu sebabnya kita hendak menukar pada bentuk baru. Lain-lain pemalsuan adalah seperti orang asing menggunakan identiti orang tempatan di mana gambar dan cap jari telah ditukar dan lain daripada rekod asalnya. Pada masa kini keadaan ini telah pun terkawal kecuali yang lebih serius adalah di Sabah. Walau bagaimanapun, selepas ISA dikenalkan pada satu ketika, kegiatan ini pun boleh dikatakan dapat dibendung.

Jumlah pegawai JPN sejak beberapa tahun yang lalu yang pernah ditahan sama ada masih di dalam pusat tahanan atau pun telah keluar adalah 21 orang.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan Pendaftaran Negara sehinggakan hampir setengah juta penduduk yang masih belum membuat kad pengenalan baru. Bolehkah Dato' Timbalan Menteri menyatakan permasalahan berkenaan secara detailnya dan saya ingin tahu berapa jumlah hasil kutipan dalam Ringgit Malaysia yang telah dibuat oleh jabatan, hasil daripada pelaksanaan program mengeluarkan kad pengenalan terbaru ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil yang tepat saya tidak dapat beri. Saya perlukan masa, tetapi kalau pada keseluruhannya setiap satu penukaran dikenakan RM4 nilai setemnya dan sebahagian yang dikenakan denda RM10. Kalau dari situ agak-agak kita boleh anggarlah jumlah 12 juta kad yang lama ditukar menjadi yang baru dan pada masa yang sama ada 4 juta first timer, dengan izin, iaitu orang yang memohon kali yang pertama.

Masalah yang ada sebenarnya bukan banyak sangat. Antara 500,000 lebih yang belum menukar kad pengenalan ada sebahagian mereka ini masih berada di luar negeri dan kerajaan telah memberikan kelonggaran. Kalau mereka itu berada di luar negeri pada 31 Disember 1996, maka mereka ini dikecualikan daripada denda. Apabila dia balik, dia boleh tunjukkan bukti pasportnya dan mereka boleh menukar tanpa denda. Ada lagi sebilangan di kawasan pedalaman terutamanya di Sabah mereka ada masalah sedikit dari segi dokumen ataupun mereka ingat jauh sangat. Itu pun Jabatan Pendaftaran Negara Sabah sedang cuba membantu mereka dengan meneruskan perkhidmatan mobile service.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili.

[Soalan No. 12 - Y.B Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau) tidak hadir]

KAD PENGENALAN RAKYAT TERMISKIN DI BARAM - MEMPERBAHARUI

13. Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan masih banyak rakyat termiskin di kawasan Baram yang belum lagi mempunyai kad pengenalan dan juga yang belum berpeluang untuk memperbaharui

kad pengenalan lama mereka, adakah kementerian bercadang untuk membuat lawatan rasmi ke kawasan pedalaman Baram dalam masa yang akan datang untuk membantu mereka ini.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) negeri Sarawak memang merancang mengadakan program lawatan khas ke tujuh kawasan pedalaman di Baram iaitu Long Aton, Long Lutin, Long Lellang, Bario, Long Jekitan, Long Banga dan Long Seridan. Walau bagaimanapun lawatan tersebut yang dijadualkan dalam bulan September, Oktober dan November 1997 ini terpaksa ditangguhkan kerana masalah cuaca berjerebu yang tidak mengizinkan lawatan tersebut. Oleh yang demikian lawatan tersebut akan dijadualkan semula sama ada akhir tahun ini iaitu bulan hadapan atau pun awal tahun hadapan.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya diberitahu salah satu masalah yang dihadapi oleh JPN apabila mendaftarkan rakyat termiskin di luar bandar ialah ketidakmampuan mereka itu membayar fee pendaftaran kad pengenalan itu serta kos membuat gambar yang diperlukan. Memandangkan masalah ini adakah kerajaan bercadang untuk membantu mereka ini ataupun mendaftarkan mereka secara percuma.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini kerajaan hanya menimbang untuk mengecualikan denda lewat bagi golongan yang termiskin di kawasan luar bandar.

Bagi kos penukaran hanya RM4 itu, pada masa kini kerajaan rasa mereka sepatutnya mencuba, kalau tidak pun mungkin wakil rakyat boleh usaha bantu.

Tuan Jacob Dungau Sagan: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ong Ka Ting: Setahu saya ada wakil rakyat Sarawak yang membayar untuk mereka, saya sendiri pergi menyaksikan.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana begitu prihatin terhadap masalah di Sarawak. Pertanyaan saya, apabila kad pengenalan itu yang dibuat di Hulu Baram dan juga di pedalaman di Sarawak - saya percaya sudah siap, apakah mekanisme yang digunakan oleh kementerian beliau untuk memberitahu orang-orang yang tinggal di pedalaman bahawa kad itu sudah siap dan sudah sedia untuk dikutip? Oleh kerana saya takut apabila mendengar Timbalan Menteri akan membakar kad pengenalan ini selepas 18 bulan,

di sana perkhidmatan pos tidak ada, jadi macam mana pemberitahuan dari kementerian beliau?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi, walaupun kerajaan ada kuasa untuk melupuskan kad pengenalan, tetapi kita masih tidak berbuat demikian.

Bagi kawasan pedalaman memang ada masalah dari segi kebolehsampaian pos kerana alamat mereka semuanya diletakkan disatu tempat dan bukan tempat mereka tinggal. Dalam pada itu Jabatan Pendaftaran Negara boleh berbincang dengan ketua-ketua masyarakat, kita boleh mengadakan mobile service pada satu masa, misalnya di dewan dan semua mereka akan dihubungi terlebih dahulu dan kad pengenalan itu dibawa ke situ untuk dikutip, dengan cara itu boleh dibuat satu persetujuan. Jadi, wakil rakyat pun boleh memainkan peranan.

RUMAH KOS RENDAH - JUMLAH PEMAJU GAGAL MEMBINA

14. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah bilangan dan senarai nama pemaju dan nama skim perumahan yang didapati gagal membina unit-unit rumah kos rendah dan projek perumahan mereka dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian ke atas para pemaju yang ingkar arahan kerajaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa mengenakan syarat membina unit-unit rumah kos rendah dalam projek-projek perumahan adalah berkaitan dengan tanah, maka ianya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu, maklumat yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat boleh dipohon dari kerajaan-kerajaan negeri. Oleh kerana ini adalah bidang kuasa kerajaan negeri, maka tindakan terhadap pemaju yang gagal membina rumah kos rendah adalah juga diambil oleh kerajaan negeri.

Tuan Tan Kok Wai: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar daripada skim-skim perumahan yang dibina di seluruh negara di mana terdapat hampir 25% rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju-pemaju telah pun diberikan kepada pemohon-pemohon yang tidak layak atau tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, seperti mereka yang telah pun memiliki rumah atau pendapatan mereka melebihi dari had yang ditetapkan, bujang dan sebagainya. Ini telah pun dibuktikan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang terbaru dan

apakah tindakan atau hukuman yang diambil terhadap pemaju-pemaju yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan mengenai perkara ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian tidak ada angka atau peratus seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan rumah kos rendah yang diberi kepada orang yang tidak layak.

Sepertimana yang kita tahu pengagihan rumah ini kepada setiap pemohon adalah di bawah satu cara atau sistem yang telah diamalkan iaitu secara saksama dan kalau ada kesilapan yang berlaku terhadap sesuatu pemberian itu, maka kita boleh menyiasatnya, tetapi tidak sampai 25% seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kalau ada apa-apa masalah kita boleh menyiasat dan boleh mengambil tindakan. Saya harap jika Yang Berhormat yang berkenaan ada maklumat yang terperinci, yang tepat sila berikan maklumat tersebut kepada saya, saya akan menyiasatnya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan sering menerangkan pemaju enggan membina rumah kos rendah. Bukankah sebelum sesebuah rancangan perumahan dapat dijalankan ia perlu mendapat kelulusan dari kerajaan tempatan di segi tata susunan, mendapat kelulusan sub-division dari kerajaan negeri dan juga mendapat permit iklan dan lesen pemaju dari kementerian. Jika syarat-syarat ini perlu ditunaikan mengapa boleh disalahkan pemaju enggan membina rumah-rumah kos rendah, mungkinkah berlakunya rasuah dan penyelewengan dalam pentadbiran kerajaan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, ini juga satu tuduhan yang liar daripada Ahli Yang Berhormat. Jikalau ada kes-kes di mana sesuatu pemajuan itu dilepaskan daripada syarat 30% ini, ianya diambil oleh pihak negeri dengan mengambilkira kos tanah, kesesuaian tempat itu untuk dibina rumah kos rendah, ia tidak berkaitan dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli Yang Berhormat menuduh pihak kementerian berkaitan dalam perkara ini, saya hendak jelaskan di sini, pihak negeri yang bertanggungjawab ke atas sub-division terhadap sesuatu pemajuan. Sub-division ini dikenakan syarat-syarat oleh pihak kerajaan negeri dan tidak berkaitan dengan pihak kementerian saya. Kita hanya meluluskan permit iklan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Apabila sub-division sudah diluluskan, projek itu sudah diluluskan dari segi perancangannya (planning), apabila siap barulah pihak pemaju minta permit daripada kementerian

saya. Kita tidak boleh meletakkan syarat-syarat terhadap sesuatu sub-division atau sesuatu bahagian untuk membina rumah kos rendah.

DADAH - JUMLAH DISYAKI PENGEDAR

15. Tuan Hoo Seong Chang [Kluang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak Januari 1997 hingga 31 Ogos 1997:

- (a) berapa orang telah ditahan kerana disyaki pengedar dadah; dan
- (b) berapa orang telah dihukum gantung mandatori dan berapa orang telah dilepaskan dan antara mereka yang ditahan berapa orang bawah umur 21 tahun dan berapa orang adalah penuntut sekolah.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sejak Januari sehingga 31 Ogos 1997 seramai 2,116 orang telah ditangkap kerana terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah berbahaya iaitu:

- 1,142 orang di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, 1952;
- 974 orang di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Dari jumlah 2,116 orang seramai 67 orang adalah di bawah umur 21 tahun dan 33 orang adalah penuntut sekolah.

Seramai 2 orang telah dihukum gantung mati mandatori manakala 14 orang telah dibebaskan. Kes-kes ini adalah kes tangkapan sebelum tahun 1997 dan dijatuhkan hukuman/dibebaskan dalam tempoh Januari hingga 31 Ogos 1997.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, antara 2,116 orang ini juga terdapat golongan yang dikatakan di bawah umur dan ada 33 dikatakan dalam golongan murid sekolah. Jadi, saya ingin tahu misalnya kalau didapati ada kesalahan budak-budak yang di bawah umur ini, apakah hukuman yang akan dikenakan pada mereka? Adakah kementerian mengadakan rancangan untuk mendapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan supaya mengadakan satu kempen seperti pameran ataupun ceramah di sekolah-sekolah supaya boleh mewujudkan satu kesedaran kepada murid-murid di negara kita untuk mengelakkan daripada aktiviti dadah ini?.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi pengedar dadah yang dikatakan di bawah umur, kerajaan tidak keculikan mereka daripada tindakan

undang-undang iaitu Akta Dadah Berbahaya yang dikenakan kepada orang dewasa. Kalau sekiranya bukti itu kukuh, katakan kuantiti dadah yang banyak jelas diedar atau dipegang oleh mereka yang di bawah umur, maka pihak polis dan pendakwa tetap akan mendakwa mereka di bawah Seksyen 39B iaitu kalau jatuh hukuman, walaupun tidak boleh gantung, tetapi mereka juga masuk ke penjara untuk tempoh yang tidak ada had. Itulah salah satu kategori yang dikatakan mereka ini di bawah limpah Sultan dan sebagainya. Ini juga adalah satu kategori yang hendak dibahaskan, tetapi mereka ini kita tidak boleh beri satu sikap yang mengatakan kerana dia di bawah umur maka dia boleh dikecualikan, kita tetap tegas.

Yang kedua, bagi Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Dalam Negeri sebenarnya ada banyak usaha kerjasama, ada Jawatankuasa Bersama, ada kempen antara ADK dengan Pejabat Pendidikan Daerah, banyak usaha dijalankan. Baru-baru ini banyak lagi perbincangan, kita jangka pada tahun depan akan banyak kegiatan yang lebih konkrit akan kita rancang untuk dijalankan.

Tuan Yunuf Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri ada membuat satu kenyataan di Sabah bahawa pada tahun ini Sabah telah mencatat sejarah kenaikan penyalahgunaan dadah yang amat tinggi sekali dalam negara. Persoalan saya ialah dari manakah bekalan dadah ini datang dan bagaimana ia boleh senang sekali menembusi sempadan negara hingga tidak dapat dikesan oleh pihak keselamatan di persempadanan?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, di Sabah kita semua sedia maklum ramai pendatang tanpa izin. Kalau manusia boleh masuk macam itu, dadah pun boleh masuk. Walau bagaimanapun, saya tidak mengatakan begitu senang sekali di Sabah walaupun banyak penguatkuasaan sedang dijalankan. Baru-baru ini dalam tahun ini kita tingkatkan penguatkuasaan di Sabah, maka dapat tangkap ramai penagih dadah. Kalau kita tidak tangkap angkanya kurang tidak bermakna ia baik, bila angka naik maknanya aktiviti penguatkuasa telah ditingkatkan. Apa yang membimbangkan kerajaan di Sabah sekarang ialah dadah dalam jenis 'syabu', iaitu satu dadah yang dibawa masuk oleh orang, terutamanya mereka datang daripada Filipina. Saya rasa Yang Berhormat pun ada role, peranan untuk menjalankan kempen antidadah di situ.

RUMAH GURU DI SABAH - KEKURANGAN

16. Tuan Radin Malleh [Tenom] minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa terdapat kekurangan yang tinggi tentang tempat tinggal guru-guru di desa-desa dan luar bandar di Sabah, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menangani masalah ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan amat prihatin terhadap kekurangan rumah guru di negeri Sabah. Setakat ini sejumlah 1,070 unit rumah guru telah dibina di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan dibawa ke Rancangan Malaysia Ketujuh. Dari jumlah tersebut sebanyak 860 unit telah siap dan sudah diambil alih oleh Jabatan Pendidikan Sabah. Manakala sejumlah 150 unit rumah guru telah dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Dari jumlah ini 80 unit rumah guru telah siap dan sudah pun diambil alih oleh Jabatan Pendidikan Sabah.

Tuan Yunuf Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas keprihatinan dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa satu daripada cara untuk mengatasi masalah kekurangan rumah guru-guru ini ialah memberi pinjaman kepada para guru untuk membina rumah mereka sendiri dan untuk maksud ini perlulah mereka ditempatkan di kampung asal masing-masing untuk merancang masa depan ketika bersara nanti. Di samping itu juga, sementara belum mendapat rumah itu mungkin....

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya, Yang Berhormat.

Tuan Yunuf Edward Marinking: Soalannya, adakah kementerian bersedia untuk melaksanakan dasar seperti itu?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pinjaman yang ada terhadap kepada kalangan-kalangan yang tertentu mengikut sistem yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut tamat.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan no. 1, 6, 12 dan 17 hingga 39 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
1998****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Anggaran Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." [Hari Keempat]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.18 [Jadual] -

Maksud P.18 [Anggaran Pembangunan 1998] -

Tuan Pengerusi: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama menyambung jawapan.

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dewan yang mulia ini sedang membicarakan arah tuju industri tembakau negara dan bagaimana ianya perlu lebih berdaya saing untuk menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan. Saya telah menyatakan bahawa kerajaan sedar dan mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh industri ini dalam membasmi kemiskinan dan memperbaiki taraf sosio-ekonomi rakyat terutamanya di kalangan penduduk luar bandar. Adalah dianggarkan 200,000 orang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri ini dan Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa bertanggungjawab akan memastikan nasib mereka ini terbelah.

Walau bagaimanapun, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Mersing dan juga Yang Berhormat dari Kangar, kerajaan juga sedar bahawa kos pengeluaran tembakau tempatan adalah tinggi, hasil pengeluaran adalah rendah dan mutu daun tembakau tempatan belum mencapai tahap mutu yang boleh dibanggakan. Pada masa yang sama menjelang tahun 2010 dengan pelaksanaan Skim CEPT bagi AFTA, industri ini akan berdepan dengan persaingan yang begitu hebat dan dahsyat sekali.

Saya juga telah menghuraikan pendekatan Kementerian merangka strategi serta pelan tindakan untuk mentransformasikan industri ini daripada satu sistem yang berorientasikan pasaran tertutup serta bergantung kepada perlindungan dan subsidi kepada satu sistem yang berteraskan produktiviti, kecekapan, daya saing di mana industri mampu berdikari dan bersaing atas asas harga dan juga kualiti.

Yang Berhormat dari Mersing menanyakan mengapa kos pengeluaran tembakau tempatan begitu tinggi. Faktor utama adalah seperti berikut:

- (i) tahap penggunaan mekanisasi masih lagi rendah;
- (ii) tatacara agronomi yang kurang baik, iaitu sistem pengawet membeli daun tembakau hijau daripada penanam, pengawet pula mengawet dan menjual daun kering kepada pengilang rokok. Sistem penanam pengawet yang dikenalkan oleh Kementerian Perusahaan Utama adalah supaya penanam menanam dan mengawet daun hijau itu sendiri;
- (iii) kekurangan prasarana seperti parit dan tali air;
- (iv) pengguna teknik awetan yang lapuk;
- (v) kos buruh yang tinggi; dan
- (vi) ketiadaan tanah yang sesuai untuk tanaman tembakau.

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mendakwa bahawa komoditi khususnya kelapa sawit yang harganya telah meningkat kepada paras yang tinggi yang merupakan sokongan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara yang memberi sumbangan besar dalam memperbaiki pengurangan dalam akaun semasa negara semata-mata adalah hasil daripada penurunan nilai Ringgit, kononnya saya quote, 'durian runtuh' kata beliau. Saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat dan kepada Dewan yang mulia ini, pendapatan eksport daripada sektor minyak sawit ini dijangka mencapai sasaran RM13 bilion pada akhir tahun. Kedua, adalah dijangkakan juga negara kita ini akan kekal sebagai pengeksport terbesar minyak sawit di dunia tahun ini. Ini akan membantu Malaysia mencapai lebih dagangan dan dengan itu memperbaiki pengurangan dalam akaun semasa negara. Pada masa yang sama ia juga bercirikan pertumbuhan tempatan tulen dengan elemen import yang begitu kecil, kesemuanya home-grown,

dengan izin, termasuk R&D atau P&P (Penyelidikan dan Pembangunan) yang paling canggih di dunia ini.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya daripada hasil sebanyak RM13 bilion, saya rasa berbanding dengan RM11 bilion kalau tidak silap tahun lepas, berapa peratus disebabkan oleh penurunan nilai mata wang Ringgit berbanding dengan U.S. Dollar, kerana eksport kelapa sawit adalah dalam US Dollar. Dan berapakah disebabkan oleh peningkatan produktiviti, kerana kalau kita hanya menyatakan kita bangga dengan kenaikan hasil yang disebabkan bukan oleh peningkatan produktiviti, ia akan menyembunyikan dan membuat kita complacent, dengan izin, kerana seharusnya kita meningkatkan produktiviti yang sedia ada.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Itu adalah simple arithmetic, dengan izin, Tuan Pengerusi. Kalau harga Ringgit turun 30%, maknanya nilai kita 30% lebih tinggi. Apa yang saya maksudkan dengan menyatakan kebanggaan kekuatan industri ini ialah tidaklah ini semua akibat 'durian runtuh' hasil nilai Ringgit yang rendah semata-mata, give credit where it is due, Yang Berhormat dari Kota Melaka. Kekuatan ini hasil penat lelah Kerajaan Barisan Nasional yang berwibawa, berwawasan dan juga kesemua mereka yang terlibat dalam industri ini.

Bila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini dalam Belanjawan telah menyatakan bahawa asas ekonomi negara kukuh, sebahagian besar atau sebahagian daripada hujah ini ialah di dalam sektor komoditi. Ini tidak bermakna bahawa Kerajaan Barisan Nasional alpa, cuai, leka atau lena dalam kemegahan atau dengan kebanggaan ini. Sebab itulah kalau tidak dalam sesi ini dan sesi yang akan datang, Kementerian Perusahaan Utama akan membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia, di mana kita akan gabungkan PORLA dan PORIM mewujudkan satu agensi penyelaras memajukan industri ini secara menyeluruh. Dengan usaha ini, insya Allah, kita dapat mengekalkan daya saingannya, mengurangkan kos pengeluarannya, menerokai produk baru, membangunkan sektor hiliran dan hulu, mengelakkan pertindihan tugas, meningkatkan P&P dan menyokong pemasaran antarabangsa.

Tuan Yunuf Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Apa lagi hendak?

Tuan Pengerusi: Ada dua, hendak beri yang mana?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuaran.

Tuan Yunuf Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas memberi peluang. Persoalan saya ialah saya sangat tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan tahniah kepada kementerian atas usaha, satu pengakuan yang saya rasa amat baik sekali di mana sektor komoditi memainkan peranan yang penting di dalam memperkukuhkan ekonomi negara. Jadi, untuk memperkukuhkan atau menambahkan lagi kekuatan sumbangan sektor ini kepada ekonomi negara, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah rancangan ataupun sama ada secara komersial ataupun percubaan di mana penanaman kelapa sawit ini di samping terus diusahakan, tetapi juga digunakan ataupun kawasan-kawasan di mana tidak mengganggu dengan tanaman digunakan juga sebagai jelapang untuk pemeliharaan binatang, misalnya ternakan sapi dan juga kambing, adakah rancangan ke arah itu? Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Saya akan menjawab soalan ini semasa saya membicarakan isu penanaman semula hutan-hutan dan isu ecotourisme nanti, insya Allah.

Saya bagi pihak kementerian juga berterima kasih kepada Yang Berhormat dari...

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingat sungguhpun Yang Berhormat seorang pemimpin muda yang telah menjawab tanggungjawab yang begitu tinggi dalam masa yang begitu singkat, tetapi saya berharap beliau tidak akan lari daripada soalan yang saya tujukan tadi, iaitu nilai hasil sebanyak RM13 bilion ini, iaitu satu tambahan sebanyak kira-kira RM2 bilion daripada tahun lepas. Berapa banyakkah disebabkan oleh penurunan nilai mata wang Ringgit dan berapa peratusnya disebabkan oleh peningkatan produktiviti? Dari segi peratusan beliau masih belum

sebut. Kalau beliau tidak ada angka-angka boleh minta notis tidak mengapa, tetapi jangan lari daripada soalan saya.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Ini yang malas saya hendak beri ruang, simple arithmetic. Sebenarnya dari segi 30% penurunan Ringgit oleh kerana eksport kita dalam Dolar Amerika, memang peningkatan 30%. Tetapi yang penting saya tekankan tadi bahawa kekuatan dan asas industri ini dan sektor ini bersandarkan kepada P&P dan juga kebolehan industri ini untuk mengikut arus perubahan dan juga tuntutan semasa yang dituntut oleh dunia sekarang. Dari segi angka-angka kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka perlu saya akan hantarkan melalui secara bertulis, tidak menjadi masalah.

Saya bagi pihak kementerian berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Bendera di atas keprihatinan beliau mengenai perlindungan hakcipta klon-klon pokok hasil penyelidikan agensi-agensi kerajaan seperti FRIM dan juga RRIM. Sebagai contoh, dalam industri getah klon-klon terkini dari siri RRIM 900, RRIM 2000 dan Klon PB yang digolongkan sebagai klon lateks balak atau dengan izin, latex timber clone bukan sahaja dapat mengeluarkan lateks yang banyak, malah dapat menghasilkan kayu yang lebih besar dan hasil kayu ini boleh ditebang dalam masa 15 tahun sahaja.

Buat masa ini, pengeksportan klon hanya boleh dibuat selepas mendapat kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri. Itu pun sekiranya ia digunakan untuk penyelidikan di mana penemuan dinikmati bersama. Untuk kegunaan penanaman komersial tidak dibenarkan dieksport melainkan ada kepentingan negara, umpamanya rakyat Malaysia mempunyai ekuiti di dalam syarikat perladangan berkenaan.

Mengenai hak intelek atau Intellectual Property Right, dengan izin, pokok jenis 'ultra-transgenic plant' telah pun dipatenkan. Tetapi buat masa ini pembiak baka tanaman, 'plant readers' belum ada cara untuk mempatenkan klon-klon yang dikeluarkan. Kementerian akan memperhebatkan lagi usaha mencari jalan untuk mempatenkan dan memperindungi hakcipta klon-klon baru ini. Perubahan perkembangan yang begitu hebat dan rancak menyebabkan kadangkalanya susah dan sukar untuk kita mengikut arus perubahan ini. Insya Allah, dengan kelulusan peruntukan yang kita mohon pada hari ini kita dapat memperhebatkan lagi usaha-usaha kita untuk memberi perlindungan kepada klon-klon baru ini.

Mengenai industri perabot pula, Tuan Pengerusi, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Mersing, Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan Bukit Mas, terdapat 2,990 buah kilang perabot yang beroperasi di Malaysia; 88.7% terdapat di Semenanjung Malaysia, 4% di Sabah dan 7.3% di Sarawak. Sebanyak 485 kilang ini terlibat sepenuhnya dalam pasaran eksport berbanding dengan hanya 300 kilang pada tahun 1992.

Mengenai perkembangan perabot bumiputera yang diminta oleh Yang Berhormat dari Mersing, kedudukan industri perabot bumiputera masih lagi daif dan lemah, dan hampir keseluruhannya tergolong dalam industri kecil dan sederhana. Daripada 402 pengusaha perabot bumiputera, terdiri daripada 385 berasaskan kayu dan 17 berasaskan rotan. Hanya 23 buah syarikat sahaja yang berjaya mengeksport sebahagian daripada keluaran kilang mereka. Walau bagaimanapun, ini adalah merupakan peningkatan sebanyak 77% berbanding dengan tahun 1990.

Kementerian Perusahaan Utama dengan jumlah peruntukan sebanyak RM24.91 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam dan RM30.75 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah membangunkan lima perkampungan perabot, iaitu di Setiu - Terengganu, Mukim Belanja - Ipoh, Kuantan - Pahang, Hulu Yam - Selangor, dan Mukim Selambau - Sungai Petani, Kedah. Tujuan utama program ini adalah bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dalam perindustrian negara dan juga dalam meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pasaran terbuka dan eksport.

Mengenai program ini untuk Sarawak, pada masa ini belum ada perkampungan perabot yang dirancang untuk negeri Sarawak. Sungguhpun....

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Semalam saya bertanya mengenai perkara ini, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan negeri Sarawak kaya dengan kayu, adakah kementerian merancang pada masa akan datang untuk menentukan satu tempat khas untuk memajukan golongan bumiputera yang terlibat dalam industri perabot, minta penjelasan.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Pengerusi, Jawatankuasa Pemandu atau Steering Committee ini telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, saya sendiri. Bermakna, insya-Allah,

cadangan Yang Berhormat dari Bukit Mas akan dibawa dan dibincangkan, di mana pada masa ini di Sarawak perkampungan perabot yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, peruntukan sejumlah RM500,000 disediakan dan kampung-kampung perabot ini akan ada ruang untuk kita mengkaji semula pelaksanaan perkampungan-perkampungan perabot ini dan juga untuk cari jalan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan termasuk mewujudkan kawasan-kawasan baru. Saranan Yang Berhormat dari Bukit Mas akan saya catit dan akan kita pertimbangkan.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Mersing bangun.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam usaha untuk memperbanyakkan bilangan bumiputera menyertai sektor perabot ini, adakah pihak kerajaan melalui kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengadakan satu kerjasama khususnya di antara bumiputera dengan bukan bumiputera?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Seperti yang saya sebutkan tadi, memandangkan begitu ramai mereka yang bukan daripada golongan bumiputera terlibat dalam industri ini, saya rasa cadangan Yang Berhormat itu cukup wajar dan saya akan berusaha ke arah itu.

Mengenai industri galian dan hasil bumi....

Tuan Foo Ah Kiow: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Mentakab bangun.

Tuan Foo Ah Kiow: Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri beralih ke tajuk lain, saya ada sedikit hendak minta penjelasan, iaitu baru-baru ini nampaknya ada percanggahan daripada pengeluar kayu getah dan juga pengusaha industri perabot kayu getah mengenai dengan bekalan kayu getah. Pengeluar kayu getah sentiasa mendakwa bahawa pengusaha kilang sentiasa memberi gambaran yang tidak benar supaya mereka boleh mengenakan harga rendah bagi kayu getah. Saya minta pandangan Yang Berhormat, dan juga apakah jangkaan dalam masa panjang bekalan kayu dan permintaan kayu getah, apa rancangan yang menyeluruh untuk memastikan ada bekalan yang mencukupi untuk menampung permintaan daripada industri perabot kayu getah?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat dari Mentakab. Bekalan kayu getah bergantung besar kepada kadar penanaman

semula dan kadar tebanan. Untuk jangka masa tertentu bekalan ini juga bergantung kepada musim tebanan, iaitu bulan Mei dan Ogos di mana pada musim itu bekalan akan berlebihan. Walau bagaimanapun, kajian oleh MTIB menunjukkan ada kelebihan kayu getah di pasaran pada masa ini. Antara cara yang digunakan untuk memastikan bekalan kayu getah adalah mencukupi ialah dengan mengenakan kuota dan levi ke atas kayu getah gergaji yang dieksport dan apabila bekalan berlebihan KPU akan mengeluarkan kuota eksport untuk menstabilkan bekalan yang sedia ada dan sebaliknya jikalau bekalan berkurangan, maka kuota tidak akan dikeluarkan untuk jangka masa tertentu.

Untuk pendekatan dan strategi jangka masa panjang, saya akan bangkitkan dan menyentuh hal ini dalam isu pembalakan nanti. Masalah kekhuatiran bekalan kayu-kayan kepada industri-industri hiliran telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera semalam.

Tuan Pengerusi, mengenai industri galian dan hasil bumi yang telah....

Tuan Yunuf Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Tuan bangun.

Tuan Yunuf Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri berpindah kepada topik yang lain saya ingin minta penjelasan mengenai perusahaan penanaman rotan dan buluh.

Tuan Pengerusi: Rotankah Yang Berhormat?

Tuan Yunuf Edward Maringking: Rotan.

Tuan Pengerusi: Rotan tidak disentuh tadi, Yang Berhormat. Kalau hendak minta penjelasan....

Tuan Yunuf Edward Maringking: Akan disentuh dalam....

Tuan Pengerusi: Belum disentuh. Dia tidak sentuh tadi.

Tuan Yunuf Edward Maringking: Tetapi dia pergi ke galian, nanti tidak ada sebut lagi.

Tuan Pengerusi: Mengikut Peraturan Mesyuarat 37(1) penjelasan-penjelasan hanya boleh dibuat di atas apa-apa ucapan yang dibuat olehnya.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Belum disentuh dan tidak akan disentuh.

Tuan Pengerusi: Ya. *[Ketawa]*

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Industri galian dan hasil bumi, menjawab perkara dan soalan

yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kangar, dukacita ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat, kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi menunjukkan bahawa lapisan arang batu di kawasan sekitar Bukit Arang adalah nipis dan terhad serta dianggap sebagai tidak berekonomi untuk diusahakan. Kajian Jabatan Kajibumi juga mendapati tidak terdapat anomali lain sumber mineral di negeri Perlis, kecuali sumber batu kapur. Kajian ini yang dijalankan di peringkat awalan menunjukkan bahawa terdapat longgokan batu kapur di jaluran tengah negeri sebanyak kira-kira 437 juta tan metrik.

Menjawab soalan dan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas, kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan juga berkaitan dengan rancangan pembinaan Jalan Raya Koridor antara Sibul, Bintulu dan Miri menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 86 juta tan metrik pasir binaan di kawasan Limbang dan 296 tan metrik pasir binaan di kawasan Tawas. Berkaitan dengan kajian eksplorasi emas pasir di Sarawak yang dijalankan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi, kajian awalan menunjukkan bahawa terdapat potensi untuk emas pasir di empat kawasan seperti berikut; upper Sungai Sarawak kanan, middle Sungai Sarawak, Sungai Sarawak delta dan Batang Kayan. Usaha-usaha berterusan dan selanjutnya haruslah dijalankan oleh pihak-pihak swasta untuk menentukan kualiti dan kuantiti sebenarnya yang boleh diperolehi sebelum menjalankan aktiviti-aktiviti perlombongan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah dijangkakan pengeluaran concentrate timah dalam negara pada tahun 1997 akan berjumlah lebih kurang 5000 tan metrik. Angka ini adalah hampir serupa dengan pengeluaran dalam tahun 1996 yang berjumlah 5,174 tan metrik concentrate timah. Dibandingkan dengan pengeluaran adalah dijangkakan penggunaan tempatan akan meningkat kepada hampir 6,200 tan metrik dalam tahun 1997. Ini adalah hampir 200 tan metrik lebih daripada penggunaan dalam tahun 1996 yang berjumlah sebanyak 5,996 tan metrik timah. Bermakna dari segi industri pengeluaran bijih timah, ianya sebenarnya adalah satu industri sunset.

Berkaitan dengan perdagangan antarabangsa dalam bidang ini, kedua-dua pelebur timah tempatan, iaitu Malaysia Smelting Corporation dan Datuk Keramat Smelting Corporation terus mengimport concentrate timah dari pembekal-pembekal luar negeri dan terus menjalankan aktiviti peleburan. Dalam tahun 1996 kedua-dua pelebur telah mengeluarkan sebanyak 34,342 tan metrik logam timah yang bernilai RM535 juta.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin beralih kepada industri hutan dan kayu-kayan....

Tuan Yunuf Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan juga Timbalan Menteri. Kali ini belum disentuh, tetapi minta jawapan, dan harap buluh juga akan disentuh kemudian. Penjelasan tadi mengenai galian ataupun kajian hasil bumi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada menyentuh langsung mengenai potensi bekalan air sebagai bahan eksport kita di masa akan datang. Oleh kerana mengikut beberapa kajian di seluruh dunia ataupun di rantau Asia sendiri pun kita akan memerlukan sejumlah besar air nanti. Jadi, untuk perancangan masa depan untuk menggunakan bekalan air sebagai satu daripada eksport negara, bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan sama ada pihak kementerian ada membuat kajian ataupun memasukkan ini dalam senarai kajian potensial ataupun kemungkinan supaya satu perancangan di seluruh negara akan dapat dibuat. Kawasan Tuan Pengerusi sendiri pun banyak air yang boleh dieksport, tetapi di Libaran tidak ada. Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Ini masalahnya bila Yang Berhormat dari Tuaran tidak ada dalam Dewan malam semalam. Saya sedang gulung perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan semalam dan perkara ini telah tidak dibangkitkan dan saya tidak akan jawab.

Mengenai industri hutan dan kayu-kayan, terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa kita mesti melihat industri ini dalam konteks dan perspektif yang lebih tepat dan yang sebenarnya. 72% muka bumi Malaysia diliputi oleh hutan asli dan tanaman. Dari jumlah ini, 18.9 juta hektar adalah kawasan hutan asli, iaitu kira-kira 60% dari kawasan Malaysia. Malaysia diiktiraf sebagai salah sebuah negara yang mempunyai pengurusan terbaik di dunia. Pada tahun 1994 di bawah FAO Production Year Book sekiranya kita banding dengan negara-negara maju, di mana Amerika Syarikat hanya menunjukkan peratusan sebanyak 31.6%, Belanda hanya 10.8% dan United Kingdom 10.2%. Tetapi

di Malaysia kalau kita masukkan tanaman-tanaman lain, iaitu kelapa sawit dan getah, 72% muka bumi Malaysia diliputi oleh hutan asli dan tanaman.

Tuan Pengerusi, negara kita mengamalkan sistem tebangan memilih dan bukan sistem tebangan habis atau clear falling dalam menguruskan kawasan hutan, terutama dalam hutan simpanan kekal. Ini bermakna pembalok-pembalok hanya dibenarkan menebang pokok-pokok yang dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan dan mengekalkan pokok lain untuk membesar bagi tebangan pusingan yang akan datang seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kangar malam semalam. Pokok-pokok yang ditinggalkan hanya perlu diberi rawatan silvikultur untuk membantu pokok-pokok ini hidup dan membesar dengan baik.

Mengenai kawasan hutan yang telah terdedah akibat aktiviti usaha hasil seperti kawasan-kawasan simpanan balak, jalan-jalan penarik balak dan tapak kongsi, syarat-syarat tambahan menghendaki pembalok menanam anak pokok hutan asli sebelum mereka meninggalkan sesuatu kawasan itu. Mengenai had tebangan pula, kerajaan sentiasa mengawal kawasan-kawasan hutan untuk pembalokan melalui catuan tebangan tahunan (CTT). Bagi Semenanjung Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah dikurangkan daripada 52,250 hektar kepada 46,040 hektar. Sementara bagi Sabah dan Sarawak telah ditetapkan sebanyak 60,000 hektar dan 170,000 hektar setahun. Setakat ini semua negeri mematuhi....

Tuan Zainal Abidin bin Osman: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mersing bangun, Yang Berhormat.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kadang-kadang kita dengar ada pihak pembalok yang membalok bukan setakat dalam kawasan mereka tetapi di luar kawasan mereka tanpa pengetahuan pihak-pihak tertentu khususnya pihak perhutanan. Jadi, saya hendak tanya sejauh mana seriusnya kedudukan perkara ini dan apakah hukuman yang boleh digunakan kepada mereka?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Saya akan sampai kepada isu pembalokan haram dan pencerobohan kawasan-kawasan hutan sekejap lagi, Yang Berhormat.

Seperti yang saya nyatakan tadi setakat ini semua negeri mematuhi catuan tebangan tahunan yang telah ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara

dan Jawatankuasa Nasional Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (Sustainable Forest Development) telah ditubuhkan untuk memantau atau mw'monitor' pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengurusan hutan selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Antarabangsa Kayu-kayan Tropika (ITTO).

Tuan Yunuf Edward Maringking: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Libaran bangun pula.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: DAP ke hulu ke hilir mendapat tandatangan rakyat tentang jerebu yang kita alami dengan alasan mementingkan alam sekitar. Sahabat saya PBS membantah sekeras-kerasnya rancangan Reforestration Kerajaan Barisan Nasional negeri Sabah dan mencadangkan agar hutan di Sabah diagih-agihkan kepada rakyat untuk pertanian. Semasa PBS memerintah negeri Sabah mereka telah mengagih-agihkan beratus-ratus ribu hektar kawasan balak kepada kunci-kunci mereka dengan harga yang terlalu murah dan percuma. Saya tidak faham politik mereka ini. Saya mohon penjelasan apakah pandangan Kementerian Perusahaan Utama dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang program Reforestration oleh Kerajaan Barisan Nasional negeri Sabah, dan adakah program ini bercanggah dengan ITTO serta sejauh manakah ianya memberi manfaat kepada generasi akan datang? Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Pengerusi, cadangan PBS supaya kita agihkan baki kawasan hutan dara kepada kesemua rakyat Sabah adalah satu cadangan yang menunjukkan pandangan dan pemikiran yang begitu sempit dan berjerebu, lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana rakan mereka DAP ke hulu ke hilir cuba mendapatkan senarai tandatangan kononnya untuk menyelamatkan alam sekitar - isu jerebu. Jelas tangan kiri tidak tahu apa tangan kanan buat, kepala otak jadi berjerebu.

Tetapi keadaan di Sabah memang begitu kritikal. Anggaran keluasan hutan dara atau virgin jungle telah berkurangan dari 2,695,109 hektar dalam tahun 1970 kepada hanya 365,879 hektar dan pembalokan berlaku semasa Kerajaan PBS juga seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Libaran. Perkara ini tidak boleh dibenarkan berterusan. Alhamdulillah, kita bernasib baik kerana hari ini Sabah ditadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional yang berusaha keras untuk mempertahankan pengurusan hutan yang kekal dan juga satu pro-

gram yang matang dan juga mantap. Tetapi sebelum mereka dapat memulakan program ini telah diserang oleh pihak PBS. 27 Forest Management Unit (FMU) yang telah dicadangkan oleh kerajaan negeri yang ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang berkaitan memerlukan dan disyaratkan bahawa melihat program ini untuk jangka masa yang panjang, penglibatan yang serius dalam usaha membangunkan hutan kekal, penglibatan dan komitmen untuk jangka masa panjang melalui lesen dan juga perjanjian, perlu menyediakan performance bond sekurang-kurangnya RM5 juta yang tidak akan dikembalikan sekiranya memenuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

Syarikat perlu menyediakan rancangan pengurusan hutan, Forest Management Plan, dengan izin, yang melibatkan pembalakan secara equal friendly, mengurangkan kesan kerosakan ketika pembalakan dan menggunakan sistem skyline sekiranya wajar. Syarikat perlu melaksanakan penanaman semula yang giat, pemeliharaan hutan dan juga civil culture. Ini syarat-syarat dan keperluan-keperluan yang telah diberikan kepada 27 unit-unit yang telah diagihkan dan saya rasa hanya inilah cara untuk menyelamatkan hutan dara di negeri Sabah. Kita tidak ada tindakan yang lain, tidak ada pilihan lain dan kerajaan negeri telah pun melaksanakan projek ini selepas melihat projek percubaan atau pilot project di Dramacot Forest Reserve, dan kerajaan tidak akan bertolak ansur, berkompromi dalam perkara ini, akan terus mengawal selia kegiatan pembalakan dan berusaha mewujudkan pengurusan hutan yang lebih dinamik di Sabah. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Libaran.

Kembali kepada isu untuk mengatasi masalah pembalakan haram. Kementerian telah melaksanakan tindakan untuk membanteras kegiatan pembalakan haram termasuklah meminda Akta Perhutanan Negara untuk meningkatkan tindakan-tindakan ke atas pembalakan-pembalakan haram; mengekalkan peruntukan hukuman penjara mandatori selama 1 hingga 20 tahun ke atas kesalahan penceroboh hutan; mengadakan peruntukan baru di mana beban untuk membuktikan pelesen tidak melakukan kesalahan adalah terletak pada yang dituduh; meningkatkan denda had maksimum sehingga RM500 ribu; mengadakan peruntukan supaya bantuan tentera dan juga bantuan polis digunakan untuk menangani masalah pembalakan haram ini; tindakan juga diambil untuk mempertingkatkan rondaan kawasan terutamanya

bagi kawasan-kawasan yang terpencil dengan menggunakan pesawat-pesawat udara seperti helikopter; dan juga mengadakan kursus-kursus dan seminar kesedaran untuk memberi kefahaman dalam menangani masalah tersebut. Tetapi perkara ini bukanlah perkara senang untuk kita atasi.

Penceroboh mempunyai banyak wang; kedudukan mereka terlindung; tumbuhan yang ditanam menutupi laluan yang dibina; pengawal diletak di sepanjang laluan; memberi rahsia maklumat awal; dan kadangkala anjing digunakan untuk memberikan maklumat-maklumat awal tadi. Kawasan-kawasan yang mereka cerobohi adalah kawasan pedalaman yang jauh dari penempatan. Mereka gunakan jentera berat awal pagi dan lewat malam. Mereka boleh membersihkan kawasan hutan seluas sehaktar dalam tempoh sehari sahaja. Kawasan terbabit juga dieksploitasikan oleh mereka yang sanggup untuk memperalatkan Orang-orang Asli. Mereka mengupah Orang-orang Asli ini mengerjakan tanaman sayur kepada kawasan-kawasan yang diceroboh dan mereka juga mengupah Orang-orang Asli ini untuk mengakui bahawa tanah yang diceroboh ini hak mereka. Mereka menebang balak di luar kawasan yang dibenarkan serta membawa balak ini kepada kawasan sendiri dan juga campuradukkannya untuk mengelirukan pihak-pihak berkuasa.

Perkara-perkara ini bukanlah senang untuk kita mengatasi. Tetapi setakat mana yang mampu dengan sokongan yang sedia ada di bawah agensi-agensi dan di bawah kementerian kita, dan sekiranya dapat bantuan, dorongan daripada semua pihak termasuk daripada mereka dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Ahli-ahli Yang Berhormat dan peka kepada apa yang telah berlaku di kawasan-kawasan berkenaan, kita dapat mengatasi masalah ini. Mengenai betapa seriusnya....

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingin mendapat penjelasan, berapa ramai yang telah didakwa atau telah dihukum oleh pihak mahkamah atau pendakwaan yang dibawa oleh pihak kerajaan selepas pindaan ke atas Akta Perhutanan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, dan apakah tempoh hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah ke atas mereka yang terlibat?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Mengenai kes-kes kesalahan hutan yang dikesan dalam tahun 1996 ialah sebanyak 502 kes, iaitu 101 di Semenanjung Malaysia, 223 di Sarawak, 178 di Sabah. Bagi tahun 1997 pula sehingga bulan Jun jumlah kes berjumlah sebanyak 252, iaitu 54 kes Semenanjung, 121 kes di Sarawak dan 80 kes di Sabah.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:
[Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tambun bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pembalakan haram, saya ingin mendapat penjelasan dari Timbalan Menteri, sama ada ada aduan atau tangkapan ke atas orang dalam yang mungkin terlibat dalam perkara tersebut, kerana kita lihat dalam sistem operasi pembalakan, pertama pihak ranger hutan buat lorong tikus terlebih dahulu supaya satu-satu syarikat atau kontraktor itu dapat kenal pasti kawasan hutan yang dimiliki. Kedua, dia akan membuat anggaran kayu yang akan dikeluarkan, dan ketiga, kayu yang dikeluarkan akan cop dengan tukul besi. Ini bermakna dari segi pengawasan kalau dilaksanakan secara betul dia boleh atasi masalah ini, dan kemungkinan ada orang dalam yang terlibat.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Buat masa ini, Yang Berhormat, saya tidak ada angka-angka yang terperinci atau pecahan-pecahan mengikut kesalahan sama ada orang dalaman atau tidak. Tetapi saya telah pun awal-awal lagi tadi menyenaraikan masalah-masalah yang dihadapi kepada pegawai-pegawai kita untuk mengatasi masalah ini. Bukanlah perkara yang mudah untuk kita mengatasinya, tetapi setakat mana yang kita mampu kita akan cuba melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang telah diletakkan di atas kepala dan bahu mereka.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya berapakah jumlah balak, pihak-pihak yang telah didakwa, pihak kementerian atau pihak kerajaan yang terbabit supaya kita dapat tahu gambaran dan jumlah yang dibawa ke mahkamah, iaitu dari segi nilai di mana mereka menjalankan pembalakan secara haram.

Apakah jumlah kalau ada tentang pencurian balak atau hutan yang mereka lakukan?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Mengenai jumlah memang saya ada. Bilangan kes pembalakan dan penerokaan haram serta kompaun dan ganti rugi bagi Semenanjung Malaysia. Banyak Yang Berhormat, saya akan sentuh dua-tiga negeri sahaja dan saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat dengan maklumat yang lebih terperinci. Mula dengan negeri Johor.

Negeri	Tahun	Bilangan Kes	Kompaun dan Gantirugi
Johor	1995	18	RM 72,616.00
	1996	5	RM 3,166.00
	1997 (Jan. - Julai)	6	RM 10,030.24
Perak	1995	3	RM106,599.17
	1996	13	RM 76,257.19
	1997 (Jan. - Julai)	15	RM 67,492.10

Ini sebagai contoh dan saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat dengan angka-angka yang ada di depan saya ini.

Tuan Chia Kwang Chye: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Bendera.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan pembalakan haram, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerajaan ada menggunakan cara-cara atau teknik-teknik moden dan berteknologi tinggi seperti remote sensing melalui satelit, dengan izin, atau Geography Information System (GIS) untuk menentukan kawasan-kawasan pembalakan secara haram.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Buat masa ini belum, Tuan Pengerusi, dan sistem yang paling canggih yang ada pada kita ialah sistem hadiah, menggalakkan orang awam dan pegawai perhutanan memberi maklumat dan usaha membantu membanteras pembalakan dan menyediakan hadiah kepada mereka untuk maklumat-tersebut. Dalam keadaan ekonomi kita sekarang diminta mengurangkan pengimportan barangan canggih ini, saya rasa mungkin tidak wajar kita mengorak ke

arah itu buat masa ini. Tetapi memandangkan sekiranya situasi kritikal, kerajaan akan mempertimbangkan. Buat masa ini kementerian dan kerajaan memikirkan tidaklah sampai kepada tahap begitu kritikal.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mersing bangun Yang Berhormat.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berdasarkan angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi khususnya untuk negeri Johor, di Johor terdapat 18 kes dan jumlah kompaun sebanyak RM72 ribu. Jadi, secara pukul ratanya lebih kurang 4,000 satu kes, dan jumlah ini terlalu rendah secara perbandingannya. Kalau kita bandingkan dengan kemampuan kewangan yang dimiliki oleh pembalakan-pembalakan ini, jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan penalti yang lebih tinggi, dan apakah jenis kesalahan yang hanya melibatkan penalti yang begitu rendah sekali? Sekian, terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Dari segi ganti rugi dan denda yang telah dijatuhkan oleh pihak mahkamah saya rasa tidak boleh kita secara purata sahaja. Mungkin sesuatu kes itu mendapatkan dakwaan dan juga jumlah yang lebih besar. Tetapi paling penting pertamanya kerajaan telah meminda akta berkenaan untuk meningkatkan seperti saya sebutkan tadi denda maksimum sehingga RM500 ribu. Mungkin saya tidak ada angka-angka yang terperinci mengenai kes-kes individu, tetapi sekiranya kira kaji bersama-sama sama ada kekhawatiran Yang Berhormat itu benar, mungkin kita dapat memikirkan cara yang lebih wajar mengikut dakwaan yang telah diberikan. Tetapi Yang Berhormat mesti fahami bahawa kerajaan hanya dapat menyediakan undang-undang untuk menetapkan had maksimum dan jumlah yang akan ditentukan ialah mahkamah mengikut undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

Mengenai kekhawatiran bekalan kayu untuk industri hiliran yang telah dibangkitkan....

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Pengerusi, daripada jumlah kes-kes yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya hendak kaitkan sebab ini jumlah denda yang dikenakan, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kita tidak boleh ambil purata. Tetapi kalau kita lihat dendanya begitu

rendah sekali. Jadi, saya hendak tahu adakah kes berulang seperti yang disebutkan tadi?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Kita akan kaji bersama. Saya tidak ada angka-angka seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat buat masa ini. Tetapi tidak ada masalah untuk mendapatkan angka-angka daripada kementerian. Mengenai....

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Libaran bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat. Walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk membanteras pembalakan haram ini, mengapakah ia terus berlaku dan terus meningkat. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini ada kelonggarannya ataupun kurang ketat? Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Saya telah menyenaraikan lebih awal lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah pencerobohan kawasan-kawasan pembalakan ini. Dan jawapan kenapa ianya masih berlaku ialah kerana pulangnya begitu lumayan sekali, dan mereka sanggup menjalankan kerja-kerja yang begitu sukar dalam masa awal pagi dan lewat malam menggunakan jentera-jentera besar, menggunakan pengawal dan juga anjing supaya mereka tidak dapat ditahan. Jadi, masalah ini kalau kita lihat dalam konteks secara kecil-kecilan memang mungkin kita rasa senang untuk mengatasinya. Tetapi di dalam kawasan hutan yang begitu luas, saya rasa bukan senang untuk kita atasi. Ini memerlukan tindakan semua pihak termasuk ketua kampung dan wakil-wakil rakyat dan sebagainya untuk menyampaikan maklumat kepada pihak kementerian.

Mengenai kekhawatiran bekalan kayu.....

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Teluk Intan bangun.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak mendapat penjelasan, mengenai kes-kes yang dibawa ke mahkamah, dalam kes-kes ini berapakah jumlah balak yang boleh dikatakan telah dicuri, nilai penuh, dan adakah

di mana-mana kes sedia ada red-handed ditangkap, apakah terjadi kepada balak-balak ini? Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat dari Teluk Intan baru masuk dalam Dewankah? Soalan yang sama ditanya oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya sudah kata saya akan sampaikan jawapannya secara bertulis, salinannya saya akan hantar kepada Yang Berhormat dari Teluk Intan, insya-Allah.

Mengenai kekhawatiran bekalan kayu....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tumpat bangun.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: ...untuk industri hiliran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya difahamkan jabatan yang terlibat dengan rasuah, salah satu jabatan ialah Jabatan Hutan. Sejauh manakah kebenarannya? Sekiranya betul, apakah kerajaan bercadang untuk meletakkan seorang pegawai khas di HQ dan setiap Jabatan Hutan di setiap negeri di negara kita ini? Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa kerajaan akan memberi tawaran kepada orang-orang kampung yang memberi kerjasama maklumat, kepada mereka yang memberi maklumat tentang pencurian, pencerobohan hutan ini akan diberi sumbangan atau diberi hadiah oleh pihak kerajaan tetapi ternyata apa yang telah dilakukan oleh kerajaan ini tidak berkesan. Sekarang ada satu soalan, kenapa tidak berkesan? Pada pandangan saya, tidak berkesan itu kerana habuan, hadiah yang telah diberi oleh pembalok haram itu lebih lumayan.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Apa soalnya, Tuan Pengerusi. Kalau hendak berucap, biar dia tunggu malam semalam.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tak payah beri pandangan Yang Berhormat. Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini soalnya, soalan yang kedua. Tadi yang pertama.

Seorang Ahli: Penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Penjelasan. Apakah kerajaan bercadang untuk memberi hadiah yang sangat lumayan kepada mereka yang memberi kerjasama kepada pihak kerajaan tentang pencurian pembalok haram ini. Sebab apa yang saya fahami, pembalok haram ini lebih lumayan hadiahnya kepada mereka ini. Jadi, kerajaan dengan pembalok nampak kalah kerajaan. Ini nampak kerajaan lemah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, cukup.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat ini pun saya rasa pemikiran yang begitu berjerebu. [*Ketawa*] Tidakkah Ahli Yang Berhormat tahu bahawa perkara yang berkaitan dengan perhutanan dan tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Bagi tempoh 1991 hingga 1997, luas kawasan pembalokan yang telah diusahakan di Kelantan ialah 241,893 hektar. Bagi tempoh yang sama luas kawasan yang dibalok di Lojing ialah 16,084 hektar yang telah diagih-agihkan kepada 74 pemegang lesen pembalokan.

Kawasan-kawasan yang terlibat dengan pembalokan di Lojing ini meliputi hutan simpanan termasuk Hutan Simpan Lojing, Hutan Simpan Sungai Beruk dan sebahagian Hutan Simpan Sungai Petis, tanah-tanah kerajaan dan tanah-tanah milik persendirian termasuk tanah milik Yayasan Kelantan (YAKIN). Soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat baik tanya kepada Kerajaan Negeri Kelantan itu sendiri. [*Tepuk*]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun pula.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tak mahu lagi dah! Ini main politik ini. Cukup, cukup!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Saya tidak benarkan. Duduk, duduk.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebab dia bohong.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Duduk, duduk! [*Ketawa*]

Mengenai kekhuatiran bekalan kayu untuk industri hiliran yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, satu-satu usaha kerajaan ialah untuk mewujudkan ladang-ladang hutan yang Semenanjung sahaja dapat lebih daripada 70,000 hektar ladang hutan.

Untuk menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mersing, yang berkaitan dengan negeri Johor itu sendiri, keluasan kawasan hutan simpanan kekal berjumlah 324,744 hektar merupakan 17.1% daripada keluasan negeri. Catuan tebaran tahunan bagi RMK-7 2,705 hektar dan walau bagaimanapun pembukaan sebenar tidak melebihi catuan iaitu seluas 1,752 hektar bagi tahun 1996 dan 490 hektar bagi tahun 1997.

Pengusahahasilan dilaksanakan mengikut sistem tebaran memilih seperti yang saya sebutkan tadi bagi menjamin pengurusan hutan secara berkekalan. Kawasan ladang hutan Hulu Sedeli seluas 20,168 hektar. Di samping itu kerajaan negeri menggalakkan penubuhan ladang hutan oleh pihak swasta di tanah kerajaan yang akan dijadikan hutan simpanan kekal dan sesuai untuk ladang dengan kawasan kira-kira 20,000 hektar.

Insentif ladang hutan untuk diusahakan oleh swasta adalah seperti berikut. Status taraf perintis 100% pengecualian cukai mulai dari hasil pertama untuk sepuluh bulan, elaun cukai pelaburan 100% daripada perbelanjaan modal yang layak bagi tempoh lima tahun daripada tarikh perbelanjaan yang layak. Tetapi walau bagaimanapun, pengurusan hutan secara mampan dan kekal memerlukan perbelanjaan yang besar serta bilangan tenaga kerja yang ramai, seperti Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pun tahu.

Pulangan, gestation period, dengan izin, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar begitu lama dan mungkin sambutan kepada usaha ini memang tidak menggalakkan. Cadangan 'green bond' yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya ialah cadangan peribadi saya sendiri semasa saya menghadiri Seminar Pelaburan di Singapura baru-baru ini, ianya bukan dasar, bukanlah satu program kerajaan atau kementerian pun, tetapi saya secara peribadi hendak raky, dengan izin, hendak test water sahaja kerana kemungkinan dengan jerebu yang meliputi kedua-dua buah negara ini dengan Singapura sebagai pusat kewangan serantau, mungkin dapat menyahut seruan ini dan sekurang-kurangnya memberikan input untuk bagaimana 'green bond' ini dapat dipasarkan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Rompin.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan sedikit. Saya tertarik sedikit dengan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, dia kata dia pergi ke Singapura untuk menghadiri satu seminar pelaburan. Adakah beliau hadir sebagai peribadi ataupun sebagai Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Menghadiri seminar ini selaku rakyat negeri Johor. Seminar Pelaburan Johor dan nasib baik tidak ada soalan yang dibangkitkan yang berkaitan dengan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Tuan Pengerusi,

Tuan Fu Ah Kiow: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Mentakab bangun pula.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Adakah kerajaan bercadang daripada kutipan cukai ses eksport kayu gergaji untuk diberi sebagai satu bantuan tanaman semula kepada hutan simpan?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Ya, sememangnya tabungan yang wujud daripada wang ses yang dikumpulkan ialah untuk tujuan ini. Tetapi kita sedang memikirkan satu pendekatan yang lebih menyeluruh dan mungkin dengan keadaan jerebu dan dengan kesedaran rakyat mengenai betapa pentingnya kita memelihara alam sekitar kita sekarang, mungkin memberikan satu insentif, satu kesedaran dan satu keyakinan bahawa program ini boleh kita lancarkan dengan lebih agresif sekali.

Akhir sekali, mengenai potensi industri minyak sawit yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas di Sarawak.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kota Melaka bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Sebelum Yang Berhormat mengalih atau mengakhiri ucapan beliau, saya ada sebut tentang hutan yang diwartakan di mana kerajaan-kerajaan negeri yang gagal

mewartakan hutan, sehingga hutan yang sedia ada tidak cukup untuk memenuhi kuota yang ditetapkan harus diwartakan. Itu, kalau contohnya dia mesti mewartakan 100,000 ekar tetapi hanya tinggal 60,000. Jadi, bagaimana seriusnya masalah ini, bolehkah memberikan satu laporan terperinci mengenai masalah ini, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa kerajaan negeri tidak menjualkan khazanah rakyat atau khazanah generasi yang akan datang. Ini yang pertama.

Yang kedua, tentang Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama kerana pertelingkahannya dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Ketua Menteri Sabah, malangnya beliau tidak ada di sini, sekali lagi tak datang, malas datang ke Parlimen dan terpulanglah kepada orang muda untuk menjawab bagi pihaknya dan saya harap Yang Berhormat boleh menjawab tentang persengketaan di antara beliau dengan Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Pengerusi, orang muda, orang baru pun boleh tahan jugalah. Saya lihat susah juga Yang Berhormat hendak berdebat dengan saya mengenai isu ini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak pernah cakap tak boleh tahan, saya cakap boleh tahan.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Jadi, tak perlu Menteri datang hadir.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi, Menteri tak hadir, ini tak betul.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Duduk, duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Ini tak betul. Tetapi saya tidak mempertikaikan itu Yang Berhormat. Saya mempertikaikan Menteri.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tetapi sudah sebut pun. *[Ketawa]* Minta Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri menjawab, baru tahu. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Mengenai status cadangan pewartaan hutan simpanan kekal di Malaysia, angka-angka ada di hadapan saya, untuk Semenanjung Malaysia keluasan kawasan yang dicadangkan untuk 1996 ialah 143,983. Sabah - 246,664 dan Sarawak - 1 juta untuk 1994.

Status kemajuan pewartaan kawasan cadangan hutan simpanan kekal di Semenanjung Malaysia bagi

tahun 1996 per hektar ialah dalam pertimbangan Majlis - 32,814; dalam proses pewartaan - 111,169; jumlah keseluruhannya - 143,983. Dan seperti yang saya sebutkan awal-awal tadi, setakat ini semua negeri mematuhi catuan tebaran tahunan yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara dan kita tidak ada masalah buat masa ini.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya bukan sebut tentang catuan tebang pokok. Saya sebut tentang pewartaan reserve hutan simpanan. Saya rasa itu perkara yang berlainan.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tetapi pewartaan tadi, saya telah sebutkan angka-angkanya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tadi angka-angka untuk pewartaan saya telah senaraikan dan telah beritahu kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah benar bahawa ia kurang daripada apa yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Perusahaan Utama.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Setakat yang saya tahu - tidak!

Tuan Lim Guan Eng: Tidak?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tak!

Tuan Lim Guan Eng: Bukan seperti yang berlaku pada tahun lepas, semua ini telah dibetulkan?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tidak!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Dari segi apa jumlah yang saya sebutkan tadi, inilah maklumat yang ada di hadapan saya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Boleh saya minta penjelasan sedikit?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Apa lagi?

Tuan Lim Guan Eng: Kalau begitu, saya tentu akan menerima jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri melainkan kalau saya semak balik bahawa ini tidak benar, mungkin pegawai yang bertanggungjawab. Tetapi, saya rasa laporan yang dibuat oleh *New Straits Times* dalam

perkara ini di mana mereka berkali-kali menimbulkan kegagalan kerajaan negeri untuk mewartakan hutan simpanan mengikut tahap atau keluasan yang ditetapkan.

Kalau perkara ini boleh dibetulkan dalam masa yang begitu singkat, enam bulan, saya hendak ucapkan tahniahlah. Tetapi kalau ini tidak berlaku dan kalau saya semak balik, ini tidak berlaku, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebagai seorang yang baru bolehlah mengambil tindakan tegas dan keras ke atas mereka yang memberikan maklumat palsu dan juga kepada kerajaan negeri yang gagal menjalankan tugas untuk mewartakan hutan simpanan sepertimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Masalah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini selalu membawa berita-berita yang dia dakwa daripada surat-surat khobar, tidak ada masalah, kalau ada maklumat Ahli Yang Berhormat percayai, sampaikan dan ajukan kepada saya, tidak ada masalah. No problem, Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ini bukan isu politik, bukanlah perkara yang kita hendak sembunyi dan bukanlah perkara yang tak boleh kita siasat dan mendapatkan penyelesaian.

Mengenai kes di antara

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tuan pun bangun Yang Berhormat.

Tuan Michael Lisa Kaya: Cukuplah, cukup!

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Pengerusi, terima kasih dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai hutan simpan kekal dan hutan keseluruhannya iaitu saya minta penjelasan atas dasar mengenai pertama, hutan simpan kekal. Di Sabah ada satu kawasan di Pulau Banggi di mana waktu kita memerintah dahulu ditingkatkan pengawasannya ke kelas satu iaitu kerana hutan simpan kelas satu bererti hutan simpan tetap seluas 11,000 hektar. Dan baru-baru ini ataupun tahun yang lalu, Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah telah menurunkan kelasnya ke kelas dua, bererti commercial forest reserve dan bukan sahaja ia telah diturunkan tetapi sebelum kelasnya diturunkan kepada kelas dua, sudah diberi kepada sebuah company atau syarikat untuk dibalak. Dan laporan kononnya untuk tanaman penanaman semula hutan, tetapi kita tahu bahawa kelas satu adalah 'virgin forest' dengan izin. Jadi, di manakah dasar di dalam hal ini.

Satu lagi perkara yang saya tahu, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah sentuh tadi mengenai pemberian sekali gus 2.7 juga hektar kawasan balak commercial second class forest reserve untuk jangka masa 100 tahun hanya tidak mungkin hanya kepada 17 syarikat sahaja.

Jadi, dari segi atas dasar apakah yang sekali gus hutan simpan itu diberi kepada syarikat-syarikat berkenaan dan adakah pengawasan ataupun inventory untuk kayu-kayu telah diambil sebelum pemberian itu ataupun kawasan itu diberi kepada syarikat-syarikat. Saya minta penjelasan dari pihak kementerian sama ada ini telah dibincang dengan peringkat pusat, walaupun pada dasarnya memang perhutanan adalah di bawah pengawalan kerajaan negeri, tetapi dari segi dasar, saya fikir tidak lari bahawa peningkatan Persekutuan mempunyai peranan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat, bukan setakat memberikan inventory balak-balak yang dibalak atau dipotong. Saya telah menyatakan, menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Libaran 'forest management unit' atau 20 unit yang telah diagihkan atau yang ingin melaksanakan program 'reforestation' di Sabah ini, disyaratkan dan diperlukan penglibatan dan komitmen untuk jangka masa yang begitu panjang. Ianya melalui lesen, melalui perjanjian. Penglibatan yang serius dalam usaha membangunkan hutan kekal perlu menyediakan performance bond RM5 juta dan sekiranya gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, RM5 juta itu tidak akan dibenarkan dikembalikan. Syarikat perlu menyediakan rancangan pengurusan hutan (forest management plan) yang melibatkan bukan setakat memberikan inventory tetapi pembalakan secara eco-friendly, mengurangkan kesan kerosakan ketika pembalakan menggunakan sistem skyline sekiranya perlu.

Syarikat perlu melaksanakan penanaman semula yang lebih giat, pemeliharaan hutan, menggunakan silvikultur, ini semua harus ditetapkan oleh syarikat-syarikat yang akan diberikan. Ini pengetahuan saya dan sekiranya Yang Berhormat ada maklumat yang tidak selari dengan syarat yang telah disebutkan tadi, saya akan terima dakwaan tadi.

Mengenai hutan simpanan kekal, pada fahaman saya HSK adalah kawasan hutan yang dikekalkan kegunaan tanahnya sebagai hutan untuk selamanya. HSK diurus berdasarkan kaedah

pengurusan hutan secara mampan yang saya sebutkan, pada lazimnya diklasifikasikan di bawah empat fungsi utama iaitu hutan perlindungan untuk melindungi alam sekitar, kestabilan iklim, mengawal sumber air dan pemeliharaan kepelbagaian hayat. Hutan berhasil untuk bekalan hasil hutan yang berterusan, hutan lipur untuk menyediakan tempat-tempat rekreasi dan juga ecotourism dan hutan penyelidikan dan pendidikan untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan.

Isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat begitu terperinci dan saya tak tahulah di bawah spesifikasi mana jatuhnya perkara yang dibangkitkan, tetapi tidak ada masalah untuk Ahli Yang Berhormat menyampaikan kepada saya.

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan lagi atau tidak?

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Pengerusi, saya minta dari segi hutan simpanan kelas dua tadi pada dasarnya memang Yang Berhormat telah memberi penjelasan serba sedikit, tetapi masalahnya ialah 100,000 hektar dan performance bondnya hanya RM5 juta untuk 100 tahun, adakah itu wajar, kalau dia lari pun sesudah dia tebang kayu, RM5 juta itu tidak ada erti langsung.

Yang kedua, dasar kerajaan negeri ini belum ambil inventory sudah diberi, bukankah lebih baik ambil inventory baru performance bond ditetapkan dan dasar itu dilaksanakan. Yang keduanya, ialah dari segi hutan simpan 11,000 hektar di mana ianya tidak harus diganggu, oleh kerana kalau diganggu, Pulau Banggi akan menjadi dessert, dengan izin. *[Ketawa]* Tetapi diberi kepada syarikat dan bukan sahaja diberi kepada syarikat tetapi melalui pintu belakang sebelum diklasifikasi sudah diberi. Saya minta penjelasan kenapa dasar ini boleh diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara dan apakah yang akan terjadi dengan Pulau Banggi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta ringkaskan penjelasan.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Pengerusi, minta penjelasan itu. *[Ketawa]*

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Pengerusi, saya telah menyatakan keluasan hutan dara (virgin jungle) telah berkurangan daripada 2,695,109 hektar dalam tahun 1970 kepada hanya 365,879 hektar tahun 1997. Tetapi perkara ini tidak

boleh dibenarkan berterusan dan alhamdulillah, Barisan Nasional telah cuba mengorak langkah berusaha untuk menyelamatkan hutan yang sedia ada.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran melaung-laungkan, mempertikaikan kelemahan-kelemahan yang ada, saya tak dengar apa strategi PBS untuk menyelamatkan hutan-hutan di Sabah dan setahu saya, cadangan yang

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Duduk, duduk! Cukup, cukup! Cadangan yang dibangkitkan oleh pihak PBS ialah untuk mengagihkan kesemua hutan-hutan dara yang ada di Sabah ini kepada rakyat untuk tanaman seperti yang kita dengar di Libaran. Ini hanya akan menghakiskan sama sekali hutan yang ada. Sebenarnya, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini hanya untuk politik semata-mata, tidak ada tindakan lain dan saya telah terus terang menyatakan tadi, bahawa Kerajaan Barisan Nasional menyedari betapa pentingnya kita menyelamatkan hutan dara di Sabah, tidak akan bertolak ansur dan tidak akan berkompromi dan masuk mendengar dan melayani isu-isu politik yang dibangkitkan semata-mata untuk memastikan program dan perhutanan di Sabah dapat diselamatkan.

Ini tugas kita, ini tanggungjawab kita, ini kita akan teruskan.

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tak mahu lagi, duduk! *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak beri ya.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tak beri dah! Saya ingin menyentuh satu lagi perkara juga yang dibangkitkan sebagai isu politik oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang melibatkan kes Syarikat Raspan yang melibatkan isu di antara Ketua Menteri Sabah dan juga Menteri Perusahaan Utama.

Seperti Ahli Yang Berhormat tahu sendiri, perkara ini telah dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, beberapa kali sebelum ini dan kita telah pun menjawab tidak kurang dari tiga, empat kali secara spesifik mengenai kes ini dan pada hari ini syarikat berkenaan telah pun mengambil tindakan

undang-undang terhadap Kerajaan Negeri Sabah dan kes ini belum lagi didengar di mahkamah dan kita tunggulah keputusan mahkamah mengenainya.

Tuan Pengerusi, itu sahaja yang ingin saya jawab kepada perkara-perkara.....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan saya tak mahu dengar lagi.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Sudah habis dah! Minta duduk ya.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Itu sahaja. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, itu sahaja yang ingin saya menjawab kepada isu-isu yang dibangkitkan mengenai perkara yang berkait dengan kementerian kami. Saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perbincangan ini termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sekian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM110,488,700 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM110,488,700 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM115,654,800 untuk Maksud P.18 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM115,654,800 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

Maksud B.19 [Jadual] -

Maksud P.19 [Anggaran Pembangunan, 1998]

-

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.19 dan Kepala Pembangunan P. 19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Batang Lupar.

4.56 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada Butiran 010000 di bawah program Perancangan dan Pembangunan dan 010300 Kawalselia Industri Padi.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedar iaitu peningkatan pemakanan beras seluruh dunia ialah 5%. Jadi, pengurangan pengeluaran pula lebih daripada 10% oleh kerana kita melihat negara pengeluar beras seperti Cambodia, Vietnam, Thailand, China, Pakistan dan sebagainya telah menumpukan perhatian mereka kepada industri. Jadi, dengan sendirinya berkurangan pengeluaran beras seluruh dunia dan makanan beras pula bertambah. Jadi, ini pun kalau perancangan negara China 'one child policy' itu successful, tetapi kalau 'one child policy' China itu tidak successful, bermakna lebih banyak lagi orang makan beras. Jadi, kita mungkin terpaksa membeli beras daripada Amerika kerana California dilaporkan mengeluarkan beras yang terbanyak sekali di dunia.

Jadi, pada masa sekarang target kita ialah 65% dan kita akan berbelanja tidak kurang daripada RM600 juta untuk peruntukan subsidi, kawalselia dan sebagainya. Jadi, dalam keadaan yang sama peruntukan RM60 juta lebih kurang itu untuk pengawalan, pengeluaran, subsidi dan sebagainya untuk beras dan padi ialah untuk mendapat sumber mencapai sufficiency, dengan izin, 65%. Jadi, negara kita juga akan bertambah rakyatnya untuk orang yang makan beras. Dahulu saya pernah mencadangkan supaya kita tumpukan perhatian untuk makan benda lain selain daripada beras, mungkin belajar makan jagung, makan ubi, kalau macam di Sarawak orang mengeluarkan rumbia, makan tepung rumbia, macam orang Malanau memang rata-rata banyak hampir 30% makan bahan daripada rumbia. Jadi, saya tidak melihat kenapa pula rumbia tidak boleh menjadi satu bahan 'staple food' untuk Malaysian keseluruhannya, dengan alasan kita menumpukan perhatian.

Tuan Pengerusi, soalan saya sebenarnya kepada kementerian ialah apakah tindakan yang kita hendak buat supaya rice sufficiency kita boleh dimaintain 65% bahkan boleh meningkatkan lagi pengeluaran kita kepada peringkat nisbah yang lebih tinggi lagi, oleh kerana kita telah pandang senario yang saya sebut pada awal tadi, Pakistan, India, Kambodia, China, Vietnam dan sebagainya mungkin tidak berupaya lagi mengeluarkan beras untuk makanan sedunia.

Pada masa sekarang kita memberi tanggungjawab untuk membuat research dan sebagainya kepada pihak MARDI mencari klon-klon yang tahan dan boleh mengeluarkan lebih dan yang lebih tahan lasak oleh penyakit dan cuaca. Kenapa pula kita tidak menjadi ahli di institut di Manila, itu soalan yang kedua. Yang pertama tadi, sama ada kita boleh meningkatkan pendapatan padi dan beras dan apa mekanismenya; dan kedua, kenapa pula kita tidak menjadi ahli di Research Institute, (RI) di Manila kerana saya pergi ke Manila melihat bendera Malaysia tidak ada terkibar kerana siapa yang menjadi ahli sahaja yang terkibar benderanya di RI di Manila bahkan kita salah sebuah negeri yang makan beras juga.

Saya berharap pihak kementerian boleh memikirkan agar peningkatan padi ini secara besar-besaran dan mekanikal secara turnkey sebagaimana yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pernah sebut di sebuah negeri di England yang mengeluarkan barang sayur-sayuran dan buah-buahan secara 'highly mechanical and hightech', lapan orang boleh menjaga kebun sampai berpuluh-puluh hektar. Jadi, kita mungkin boleh mencari caranya. Dan kalau tanah tak ada, saya jemputlah datang ke Sarawak berbincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak kerana tanah di Sarawak masih banyak.

Tuan Pengerusi, jadi, saya berpindah daripada beras dan padi ini kepada benda-benda lain. Soalan perikanan, saya baru balik daripada kawasan saya pada hari Isnin sebab itu saya tak datang. Dan alhamdulillah, bila sampai di satu research station ataupun stesen tempat menyelidik di Kampung Lingga, para saintis pertanian di Sarawak dengan kerjasama saintis daripada Australia telah membuat satu breakthrough yang historical, yang bersejarah, boleh membuat hatchery ikan terubuk yang disangka akan pupus dalam beberapa tahun kalau tindakan yang khusus tidak diambil kerana penangkapan ikan terubuk suatu delikasi di Sarawak yang berleluasa dan kerajaan dengan kerjasama saintis telah membuat penyelidikan selama lima tahun telah membuat satu breakthrough dalam penternakan ikan terubuk di Sarawak. Jadi, satu breakthrough adalah juga boleh kita gempur-gempurkan oleh kerana inilah penemuan pertama di dunia kerana terubuk ini adalah kelas ikan her-ring, penemuannya yang mana telurnya boleh ditenak dalam lab, lepas itu saya dengan Ketua Menteri Sarawak release 30,000 anak terubuk ke Batang Lupar pada hari Isnin.

Jadi, kita akan merelease lagi sebelum habis tahun ini 120,000 anak ikan dan mungkin boleh mencapai satu juta pada tahun yang akan datang dengan harapan dalam masa tiga tahun kita boleh menangkap terubuk yang kita lepas pada hari Isnin lepas kerana terubuk ini didapati life spentnya tiga tahun. Pendapat yang didapati oleh saintis ini iaitu tahun yang pertama terubuk yang digelar 'emprit' di Sarawak ialah male, ikan jantan. Tahun kedua dia bertukar jenis menjadi ikan betina dan mengeluarkan telur dan dia akan spooning pada awal tahun yang ketiga, selepas itu dia mati, life spentnya tiga tahun sahaja.

Jadi, penemuan ini adalah unik dan boleh dibanggakan dan saya bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mengkaji ikan-ikan yang dianggap unik, ikan-ikan yang dianggap ikan-ikan Malaysia yang pada masa sekarang hampir pupus kerana penangkapan atau dimakan ataupun disimpan dan apakah tindakan kerajaan supaya ikan-ikan bercorak Malaysia ini boleh dikaji supaya dia punya zuriat boleh disambungkan dengan penyelidikan sebegini seperti yang dibuat di Lingga ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup. Masa Yang Berhormat sudah habis. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya pun tak sedar, Tuan Pengerusi. Jadi, tolong beri saya sedikit masa sahaja, oleh kerana saya tak sedar masa ini sudah dihadkan, saya baru sampai pukul 12.00 tengah hari tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, kita hadkan sepuluh minit seorang.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya akan gulungkan, insya-Allah. Satu lagi perkara yang penting sekali, Tuan Pengerusi, ini sangat penting sekali, di Sarawak ada satu stesen pangkalan ikan nama Belawai dan kerajaan telah menggunakan wang kalau saya tak silap sebanyak RM9 juta pada tahun 1991 dan 1992. Pada masa sekarang kompleks Belawai itu sudah menjadi 'white elephant' tak pakai sangat. Oleh kerana orang yang menangkap ikan lautan dalam ini dia tak hantar ke Belawai, dia hantar ke Bintulu, ke Kuching, ke Miri, sebab ikan itu lebih, jadi semua perancangan kerajaan di Belawai pada masa itu telah sekarang tidak pakai lagi, oleh kerana mereka kata hiliran, pemunggah ikan, cold storage ikan, semua kerajaan buat dengan wang berjuta-juta tetapi tak dipakai,

jadi expectation orang kampung telah pudar pada masa sekarang oleh kerana tak ada ikan.

Jadi, saya hendak bertanya kepada kementerian, adakah kementerian bercadang ataupun kalau tidak bercadang, saya akan membuat satu saranan supaya setiap lesen yang kita hendak beri kepada mana-mana pelesen laut dalam agar memungggah ataupun menghantar ikan kepada satu pemungggahan ikan yang berdekatan sekali supaya semua industri hiliran ikan di tempat stesen yang kita rancang di seluruh negara daripada Kelantan sampai ke Sabah, dari Sabah sampai ke Langkawi, semuanya stesen itu akan menerima bahan ikan untuk mereka buat dan proses sebagai benda hiliran dan akan buat benda itu ada value-added dan juga seterusnya akan mempertingkatkan lagi industri perikanan bukan untuk orang yang kaya tetapi untuk orang-orang kampung menyokong kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dengan perkataan sedemikian, saya mengucapkan terima kasih, lain kali saya cakap lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang.

5.08 ptg.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh mengenai 020000 - Pertanian. Sebagai wakil rakyat yang datang dari kawasan pertanian, saya amat bergembira dan mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang sejak akhir-akhir ini ingin mengembalikan balik kecemerlangan industri perikanan ini.

Kita percaya kalau tindakan segera tidak diambil untuk memulihkan semula pertanian di negara kita dan kalau pihak kerajaan terlalu menekankan ke bidang ataupun sektor industri, maka sudah tentu lambat laun negara kita yang begini kaya dengan hasil-hasil bumi, kita nanti akan menjadi sebuah negara yang terpaksa mengimpot pula barang-barang makanan daripada luar negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai perancangan yang dibuat oleh Kementerian Pertanian. Saya amat berharap segala peruntukan yang dirancang oleh pihak kementerian hendaklah dirancang dengan baik kerana perancangan dalam pertanian ini bukan seperti perancangan hendak membuat barang-barang industri, kalau rosak dia

boleh betulkan balik, tetapi ini memakan belanja yang banyak, kalau hendak buat, sebagai contoh hendak menanam satu tanaman tradisional, mesti dirancang dengan baik. Nanti pokok kelapa sudah 100 ekar ditebang, ulam ditanam 100 ekar, ulamnya tidak tumbuh, rumput yang tumbuh, maka yang ruginya ialah kerajaan dan juga rakyat yang menanggung penderitaannya. Jadi, kita berharap kementerian mestilah merancang dengan baik segala perancangan yang dibuat dan kita menyedari bahawa perancangan yang teliti untuk barang-barang pertanian ini amat diperlukan.

Saya ingin menyentuh mengenai perancangan menanam tanaman tradisional. Saya memang menyokong supaya tanaman tradisional ini diusahakan semula dengan lebih teratur lagi tetapi kalau perancangan ini hanya dibuat secara *ad hoc* sudah tentu ia tidak berjaya. Saya ambil contoh di kawasan Parlimen saya, saya rasa sudah tiga tahun kononnya ada peruntukan untuk menanam ulam di kawasan Sungai Panjang, bila Mesyuarat Pembangunan Daerah, bila kita tanya, kerajaan negeri kena sediakan tanah ataupun kementerian yang kena sediakan tanah. Jadi, duitnya ada tetapi tanahnya tidak ada. Jadi, persoalannya siapa yang hendak menyediakan infra ini, tanah ini kena minta dengan kerajaan negeri ataupun Jabatan Pertanian kena usaha untuk mengumpulkan tanah-tanah petani sebagai contoh atau dia boleh membuat sistem seperti FELCRA mengumpulkan tanah-tanah pertanian yang terbiar dan dia bangunkan tanah ini dengan menanam tanaman tradisional seperti ulam dan sayur-sayuran yang lain. Jadi, kalau dibuat secara *ad hoc*, perancangannya ada tetapi pelaksanaannya kurang memuaskan, sudah tentu hasilnya tidak berapa membanggakan.

Tuan Pengerusi, begitu juga kita mahu bidang pertanian ini mesti dipertingkatkan, kita tidak mahu lagi dikenali sebagai petani ataupun bila disebut pesawah, kita kata dia ini penanam padi, penanam sayur. Kita kena tukar istilah ini, kita kena sebut sebagai saudagar padi, saudagar sayur, saudagar jagung kerana kita melihat pada hari ini kerajaan banyak menumpukan kepada bidang latihan berbentuk industri. Kementerian Belia dan Sukan sebagai contoh, MARA sebagai contoh, jarang kita mendengar agensi-agensi kerajaan ini mengendalikan kursus-kursus untuk menaikkan taraf petani-petani ini sebagai seorang usahawan, mereka menekankan kursus-kursus untuk membuat alat-alat elektrik, membuat alat-alat daripada bidang plastik, tetapi Kementerian Pertanian pun saya tidak pasti sama ada ada ataupun tidak diwujudkan satu

jabatan khas untuk melatih petani-petani ini untuk menjadi seorang usahawan.

Kita tidak nafikan MARDI memang ada melatih ataupun membimbing peladang-peladang bagaimana hendak membuat jeruk, bagaimana hendak membuat pembungkusan, tetapi melatih untuk bagaimana hendak membuat jeruk sahaja tidak cukup. Dia mesti diberikan latihan motivasinya, motivasinya sahaja tidak cukup, semangat yang tinggi tidak cukup, duitnya hendak datang daripada mana. Mesti juga diberi peluang di mana boleh didapati pinjaman ini sepertimana yang dibuat oleh MARA sebagai contoh untuk membangunkan usahawan di dalam bidang keusahawan, bidang sektor industri.

Tuan Pengerusi, jadi, kita harap kalau ini dapat dilaksanakan dengan baik, disusun dengan baik, maka sudah tentu belia-belia dari luar bandar akan berminat untuk tinggal di kampung, mereka tidak lagi berminat untuk bekerja di kilang-kilang.

Isu yang kedua yang saya ingin menekankan, kementerian mesti memikirkan supaya tidak lagi wujud pengangguran bermusim, pendapatan bermusim. Saya mengatakan pengangguran bermusim dan pendapatan bermusim ini kerana kita dapati pada hari ini masih terdapat di kalangan petani-petani hanya menunggu waktu menuai padi baru ada pekerjaan bagi mereka, baru ada pendapatan bagi mereka. Maka sudah sampai masanya kementerian kena memikirkan sementara tempoh lima atau enam bulan daripada tanah itu dibajak, air masuk ke sawah, padi besar, padi diambil dan kemudian air masuk semula ke sawah mesti diselang selikan dengan aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan faedah kepada petani.

Saya ingin mencadangkan, sebagai contoh, sewaktu selepas padi dituai maka kita dapati banyak padi berselerakan di tanah-tanah dan sekarang ini padi diambil dengan mesin, walaupun perancangan ini baru dalam percubaan tetapi saya ingin mencadangkan supaya diperbanyakkan, supaya diperkenalkan pula satu perusahaan ataupun industri membela itik. Kemudian Kementerian Pertanian beri bantuan untuk membela itik kepada petani-petani. Jadi, selama tiga, empat bulan itik ini boleh besar, bila itik ini sudah besar, air akan datang untuk petani-petani menanam padi. Waktu air sudah masuk untuk menanam padi, maka sekali lagi kerajaan kena memikirkan bagaimana untuk membantu petani sementara menunggu daripada padi ditanam hingga padi boleh dituai, lebih kurang dua, tiga bulan. Maka saya ingin cadangkan pada masa itu sesuai kalau kerajaan perkenalkan pula sistem membela ataupun

menternak ikan air tawar, menternak ikan keli, ikan sepat atau ikan haruan yang pada hari ini semakin lama, semakin pupus dan harganya semakin mahal.

Jadi, tidak berlaku lagi pendapatan bermusim ataupun pengeluaran bermusim, waktu menuai padi mereka akan menuai padi, sementara menunggu air masuk, mereka akan menternak itik, lepas menternak itik sementara menunggu pula padi masak mereka ada peluang pula untuk menternak ikan. Maka tiga peluang pendapatan boleh wujud yang pada hari ini kita dapati hanya ada satu sahaja pendapatan yang mereka temui itu untuk menuai padi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai 'subsidi' padi. Saya amat menyokong penuh supaya kerajaan dapat memberi bantuan dan meneruskan subsidi kepada petani-petani. Saya rasa sudah banyak kementerian ataupun agensi kementerian ini membuat kajian dan saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian secara ikhlas, setelah kajian dibuat berapakah pendapatan sebulan petani-petani ini, setelah ditolak kos bajanya, setelah ditolak kos pengurusanannya, setelah ditolak kos pelbagai kos yang lain dalam tempoh enam bulan berapa pendapatannya dan berapa sebenarnya sebulan mereka dapat. Apakah mereka ini boleh lepas daripada batasan kemiskinan. Kita telah banyak kali menyuarakan supaya kerajaan menambah subsidi padi tetapi alasan yang kita dapat sudah tentu memerlukan belanja yang banyak, tetapi hari ini kita merayu kalau tak boleh memberi subsidi padi, kita minta supaya diberi subsidi baja. Baja ini saya telah banyak kali bercakap, harga baja dinaikkan dengan begitu mudah, dalam tempoh dua, tiga tahun hampir-hampir 50% harga baja ini dinaikkan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Hari itu saya sudah bangkitkan dalam Parlimen, jawapan yang diberi memang kurang memuaskan hati kerana baja yang kementerian beri tak cukup, mereka memerlukan baja-baja tambahan. Baja-baja tambahan ini pula, dinaikkan harga dengan sewenang-wenangnya oleh pihak swasta. Jadi, kalau kalau tidak boleh memberi subsidi padi, maka saya ingin mencadangkan supaya dapat diberi kepada subsidi baja.

Tuan Pengerusi, menyentuh 'subsidi' ini saya ingin mencadangkan supaya janganlah pakai istilah 'subsidi'. Bila sebut 'subsidi' ini seolah-olah kita macam satu masyarakat yang begitu rendah sekali, mengapa tidak ditukar menggunakan istilah yang lebih baik, kita dengar 'insentif' atau 'tarif' sebagai

contoh. Kalau kepada usahawan-usahawan bidang industri kita selalu mendengar istilah 'insentif' diberi kepada petani-petani, kemudian dia ada pula 'taraf perintis' dan sebagainya, kerana bila disebut 'subsidi' ini seolah-olah masyarakat kita ini masih lagi masyarakat yang memerlukan pertolongan. Kalau kita tukarkan istilah 'subsidi' ini kepada 'insentif' sebagai contoh, maka akan memberi satu gambaran dan semangat baru kepada petani-petani kita, daripada mereka ini dikenali sebagai 'masyarakat subsidi'.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan bahawa perancangan pertanian ini harus diteliti dan mesti digazetkan kawasan pertanian ini, kalau kawasan ini hendak dikenali sebagai kawasan tanaman sayur, harus digazetkan kawasan ini, kalau tidak nanti, kita tidak mahu kawasan pertanian ini bercampur aduk, sebelah kilang - boleh jadi kilang membuat baja dan sebagainya, sebelah lagi dalam kawasan yang sama ataupun dalam area yang sama ia akan menanam sayur-sayuran, sebagai contoh. Jadi, sudah tentu nanti sayur-sayuran ini tidak boleh mengeluarkan hasil yang baik.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Noh bin Omar: Sila gulung. Baru sekali dapat bercakap Tuan Pengerusi, sebulan setengah di New York. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetap sepuluh minit Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Yang akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai Pengairan dan Saliran. Saya percaya mengenai 030000 - Pengairan dan Saliran ini sekali lagi saya ingin merayu kepada pihak kementerian supaya dipertingkatkan. Kalau hari ini kita hendak menjadikan bidang pertanian ini sebagai satu bidang yang penting, kita kena serius, kena belanja wang yang lebih kerana kalau pengairan dan saliran ini seperti parit sebagai contoh, kalau di Tanjong Karang, kalau parit-parit ini dibubuh konkrit dengan baik, salirannya dengan baik, maka saya percaya akan boleh mendatangkan satu lagi hasil pendapatan kepada petani-petani di mana kita boleh memperkenalkan agro-tourism di mana saliran-saliran parit-parit ini kita boleh membuat sampan, kita boleh berkayak seperti di Italy di Venice, kita berkayak menghirup udara yang nyaman, tetapi kalau parit seperti hari ini semak-samun dengan tidak terurus dengan baik, jangan kata dengan naik bot layar, sampan pun tak boleh hendak lalu.

Jadi, kita harap Jabatan Pengairan dan Saliran ini harus diberi penekanan kerana kita harap bukan

sahaja hasilnya nanti boleh menambahkan hasil pertanian kepada hasil-hasil tanaman, tetapi juga nanti akan memberi manfaat sampingan kepada petani supaya mereka boleh menggunakan parit dan saliran ini sebagai hasil pendapatan mereka untuk menarik pelancong datang ke kawasan pertanian ini.

Tuan Pengerusi, saya ingat itu sahaja yang saya ingin sampaikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Serdang.

5.21 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya akan menyentuh Butiran 14500 - Kajian-kajian Pelan Induk Saliran Untuk Bandar-bandar.

Tuan Pengerusi, pengumuman Kementerian Pertanian melalui JPS bahawa pihaknya akan mengkaji atau merancang pelan induk saliran untuk mengatasi masalah banjir di bandar-bandar. Pengumuman telah dilakukan beberapa lama, saya minta penjelasan dari pihak kementerian sama ada pelan induk untuk mencegah banjir di bandar-bandar telah diselesaikan di mana masih terdapat banjir-banjir berlaku di bandar Seremban, Bandaraya Kuala Lumpur dan bandar-bandar yang lain.

Kejadian banjir berlaku sentiasa dilaporkan dalam surat khabar di mana masalah tidak dapat diatasi, maka adalah penting di mana pelan induk untuk mencegah banjir ini dapat diselesaikan supaya satu solution dapat diatasi demi kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi, kerana saya sentiasa mendapat rayuan atau bantahan dari rakyat di mana mereka sentiasa dilanda banjir, harta-benda mereka terjejas dan betapa susahnyanya mereka semasa dilanda banjir, maka pelan induk saliran itu adalah penting seperti yang telah diumumkan oleh kementerian. Maka saya minta pihak kementerian huraikan lebih lanjut mengenai dengan keadaan ini di mana kalau pelan induk telah selesai, tidak mengapa; tetapi kalau tidak selesai, saya minta penjelasan apa sebab peruntukan tahun yang akan datang hanya token RM10 sahaja, ertinya tidak ada peruntukan untuk menjalankan kajian. Jadi, minta penjelasan itu daripada pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, Butiran 15200 - Rancangan Pengurusan Sungai. kempen 'Cintailah Sungai Kita'. Kempen ini telah dianjurkan oleh JPS di mana untuk menjalankan strategi kempen melibatkan orang ramai telah dan sedang dilaksanakan oleh

pihak JPS termasuklah mewujudkan sungai angkat, pemerhatian sungai, peningkatan kesedaran melalui sekolah, pengindahan sungai, simposium antarabangsa, pengiklanan melalui media massa, penerbitan risalah dan poster, kesedaran pemuliharaan sungai serta pertandingan sungai bersih dan menarik.

Kempen ini telah dilakukan pada 3 September 1993. Kempen 'Cintailah Sungai Kita' ini sepanjang masa empat tahun ini beberapa kos telah dijalankan, beberapa perbelanjaan telah dilakukan oleh JPS sepanjang masa ini. Apa sebabnya sehingga hari ini masih terdapat kekotoran di mana terdapat juga pembuangan sisa-sisa bahan dan sampah-sarap di merata tempat di sungai kita. Adakah ini bererti kempen 'Cintailah Sungai Kita' ini gagal atau sebaliknya kerana kepentingan sungai adalah khazanah alam yang berharga dan bernilai kepada pelbagai jenis kehidupan di dunia kita termasuk negara kita.

Pencemaran di sungai, membuang sisa-sisa bahan dan sampah-sarap di sungai ini telah terjejas dan memberi masalah besar kepada negara kita. Maka saya minta apa sebab kempen 'Cintailah Sungai Kita' yang sepanjang masa dijalankan ini mengalami masalah begitu besar, kesedaran rakyat, kesedaran daripada masyarakat masih belum dapat suatu tahap yang ditentukan.

Maka dengan itu huraikan dengan lebih lanjut lagi berkaitan kempen ini sama ada pihak kementerian melalui JPS akan diteruskan atau cara mana supaya kesedaran masyarakat dapat lebih berkesan lagi terhadap kempen ini.

Tuan Pengerusi, saya juga akan menyentuh berkenaan dengan Butiran 17200 - Program 10 Tahun Pembersihan Sungai Klang. Mengikut laporan terdapat 20,000 tan sampah-sarap atau sisa-sisa bahan buangan di Sungai Klang setiap tahun dan kebersihan telah dijalankan sepanjang masa ini tetapi saya tidak tahu apa sebab pada tahun hadapan tiada peruntukan telah diperuntukkan dalam pembersihan Sungai Klang, adakah Program 10 Tahun Pembersihan Sungai Klang telah diberhentikan kerana tiada peruntukan yang telah diberi, hanya RM10 sahaja yang diperuntukkan. Maka saya mintalah huraian yang lebih lanjut berkaitan dengan Program 10 Tahun Pembersihan Sungai Klang ini kerana penting untuk masa-masa yang akan datang termasuk Kuala Lumpur dan Selangor.

Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan ini sebab hanya RM10 telah diperuntukkan pada hal ini

penting. Maka saya harap perkara-perkara seperti ini, apa sebabnya hanya RM10 sahaja diperuntukkan di mana program ini masih diteruskan sehingga tahun 2000. Anggaran bagi tahun 1996 hingga 2000 ialah RM14 juta, tetapi apa sebab pada tahun hadapan tidak ada langsung? Sama ada program ini diberhentikan atau diteruskan, saya minta penjelasan dari pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:
Tuaran.

5.28 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:
Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin membahas mengenai dengan 070000 mengenai dengan Pemberian Subsidi Baja Padi.

Saya ingin menarik perhatian kementerian mengenai kelewatan untuk memberi 'subsidi' ataupun pemberian baja di negeri Sabah di mana kebanyakan petani tidak dapat menerima baja pada masa yang sepatutnya ia diberi iaitu waktu menanam padi ataupun selepas menanam padi supaya penggunaannya mengikut kaedah yang sepatutnya dibuat atas sebab kelewatan ataupun langsung tidak ada bantuan pemberian baja padi. Maka adalah dijangkakan pada tahun ini pendapatan hasil pekebun-pesawah-pesawah padi di negeri Sabah mungkin kebanyakannya akan menurun.

Jadi, saya minta penjelasan daripada kementerian, adakah kerajaan sedar tentang hal ini? Kalau sedar, apakah tindakan untuk mengatasi masalah ini supaya masa akan datang bekalan baja haruslah sampai kepada para petani pada masa bila baja-baja itu diperlukan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai penyelidikan. Saya amat menyokong pandangan Yang Berhormat dari Tanjong Karang mengenai pembangunan industri pertanian negara, oleh kerana kita tahu untuk mengatasi masalah makanan dalam negara kita ini perlu satu perancangan jangka masa panjang. Persoalannya di sini ialah adakah struktur pembahagian tanah yang ada di negara ini pada saat ini sesuai untuk para petani mengguna kaedah-kaedah secara moden, oleh kerana kalau ini tidak sesuai sekalipun kita berulang kali menyeru rakyat menggunakan kaedah moden atau secara saintifik, tidak akan berhasil oleh kerana untuk membeli mesin pembajak misalnya memerlukan modal yang besar, tetapi kalau kawasan yang dibajak itu hanya kecil sahaja maka ia tidak akan ekonomik. Jadi, satu perancangan di

mana estet padi ini dilaksanakan secara komersial hendaklah dijalankan.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Sarawak dan juga kerajaan negeri Pahang oleh kerana masing-masing telah memulakan estet sistem padi, tetapi malangnya di Sabah bukan sahaja tidak ada usaha langsung tetapi saya difahamkan bahawa pihak Lembaga Beras Negara ada membuat saranan, tetapi sambutan amat dingin di peringkat negeri Sabah. Jadi, saya ingin minta penjelasan adakah ini benar? Kalau ia benar, mengapa?

Yang peliknya di negeri Sabah ini ialah seperti yang dikatakan di dalam dasar perhutanan tadi iaitu sekali gus 2.7 juta hektar kawasan tanah yang berkemungkinan besar boleh dirancang untuk pelbagai tanaman selaras dengan usaha negara untuk mempelbagaikan sumber tanaman, tetapi sekali gus diberi kepada syarikat-syarikat, hanya 10 syarikat sahaja khusus untuk penanaman semula kayu. Bukankah ini satu perancangan yang betul-betul short sighted, dengan izin, oleh kerana bolehkah rakyat negeri Sabah terus bergantung kepada penanaman kayu sedangkan dia mempunyai saingan dan juga tidak mungkin semua rakyat akan dapat menikmati usaha itu. Jadi, di dalam konteks ini bukankah lebih baik kalau sebelum tanah ini diberi kepada syarikat-syarikat begitu luas, 100,000 hektar, seharusnya satu kajian menyeluruh menurut kesesuaian dan diberikan kepada rakyat di dalam bentuk estet di mana para petani moden akan wujud di negeri Sabah dan bukan semata-mata hanya penanaman kayu balak sahaja. Jadi, saya minta kepada kementerian untuk mengkaji perkara ini dan membatalkan semua rancangan ini oleh kerana ia mempunyai kesan yang buruk.

Ada memperkatakan kita persoalkan bahawa kalau kita buka tanah ini, maka mungkin hakisan ataupun iklim akan berubah. Tetapi pembalakan juga walaupun pada dasarnya mungkin akan diurus secara saintifik tetapi tidak boleh dielakkan semua kesan kepada alam sekitar. Apa yang penting ialah perancangan, demikian juga di dalam bentuk perancangan pertanian. Kalau kita rancang dengan secara baik menurut keperluan jangka masa panjang, sudah tentu ia akan juga dapat dikawal selia. Jadi, maksud kita untuk membantah pemberian 2.7 juta hektar tanah itu ialah ia tidak mengambil kira keperluan rakyat pada keseluruhannya dan negara untuk mempelbagaikan sumber ekonomi, hanya bergantung kepada satu sumber sahaja. Adakah ini munasabah?

Saya ingin minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri supaya membuat satu kajian dasar pertanian seawal-awalnya supaya jangan sesudah nanti kerajaan-kerajaan negeri memperuntukan tanah untuk sesuatu projek, baru dasar itu dikemukakan, misalnya Dasar Pertanian Negara nanti. Di Sabah mungkin kalau ada keperluan untuk negara mengusahakan sawah padi misalnya, tidak ada lagi tanah oleh kerana 2.7 juta telah diberi selama 100 tahun. Kalau kita ambil, kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada konsesi yang telah diberi ataupun menandatangani kontrak, jadi apa dasar ini? Jadi, inilah yang kita persoalkan.

Pokok kedua di dalam hal ini ialah kenapa kepentingan rakyat negeri Sabah tidak diambil kira di dalam pelaksanaan hal ini. Mereka juga memerlukan tanah. Semakin lama semakin bertambah penduduk. Jadi, kalau keadaan sekarang tidak mencukupi, di mana lagi kita mahu ambil tanah? Kalau terpaksa, mungkin hutan kelas satu pun terpaksa kita destroy lagi untuk pertanian. Jadi, di manakah dasar ini ditempatkan? Inilah sebabnya saya hairan kenapa pihak Barisan Nasional terlalu ghairah di dalam hal ini sedangkan dia seolah-olah tidak ada perancangan. Dia kata ada perancangan oleh kerana sistem forest management telah dilaksanakan. Itu PBS yang laksanakan, yang memulakan, bukan Barisan Nasional. Barisan Nasional belum ada satu dasar pun yang konkrit untuk apa juga perancangan di negeri Sabah. Saya ambil KKIP misalnya, dasar itu tidak lintang pukang, di mana tanah-tanah pertanian diambil sama.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat cuba hendak bangkitkan contoh, tetapi ini contoh KKIP.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Pengerusi, saya akan bangkitkan oleh kerana di situ ada tanah-tanah pertanian.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat. Saya benarkan Yang Berhormat bangkitkan contoh, tetapi contoh itu kenalah bersabit dengan pertanian dan pertanian bersabit dengan perindustrian.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, saya akur.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya tahu contoh itu, Yang Berhormat, tetapi saya rasa jauh sangat kalau berbanding dengan pertanian.

Tuan Yunof Edward Maringking: Mungkin Tuan Pengerusi tidak sedar bahawa di situ lebih

kurang 100,000 ekar tanah pertanian ataupun lebih daripada itu dan jawapan ini akan ditimbul, para petani kecil akan tercicir, bayaran harganya terlalu murah. Jadi, inilah dasar Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sabah sekarang. Jadi, saya minta pihak kementerian mengambil kira perkara ini.

Yang akhir sekali ialah mengenai pengairan untuk sawah-sawah padi. Memang ini amat penting oleh kerana kalau kita tidak rancang, saya fikir satu ketika nanti bukan sahaja sungai kita tidak akan terancang dengan betul tetapi ia akan menjadi kering atas sebab keadaan pembangunan. Jadi, pihak kementerian haruslah merancang ini daripada awal dan diambil kira di dalam penggubalan dasar pembangunan pertanian nanti, oleh kerana pengairan itu bukan sahaja menelan belanja yang besar tetapi juga haruslah kena pada tempatnya iaitu hanya jika ada tanah-tanah yang akan diusahakan perlu dilakukan. Tetapi kalau kerajaan negeri sudah tidak ada lagi tanah, maka kita akan menghadapi masalah kelak.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, saya akan gulung sekejap lagi. Jadi, saya fikir pihak kementerian perlu mempersingkatkan perusahaan perindustrian dan pertanian ini. Untuk itu, pelan induk haruslah disediakan seawal-awalnya supaya perancangan yang menyeluruh oleh kerajaan-kerajaan negeri selaras dengan dasar pembangunan perindustrian pertanian dapat dilaksanakan. Sekian dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Wangsa Maju.

5.40 ptg.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B, Butiran 080000, 160000, Maksud P, Butiran 00300, 00917 dan lain-lain yang berkaitan dengan soal penyelidikan dan pembangunan dalam pertanian.

Tuan Pengerusi, kita faham dan maklum bahawa MARDI telah menjalankan pelbagai macam projek dan penyelidikan dalam pelbagai bidang pertanian dan banyak pula mendapat penemuan-penemuan yang berkaitan dengan bidang ini. Difahamkan banyak penemuan ini ada sesetengahnya sudah dapat dicommercialisekan ataupun diserap masuk ke dalam kegiatan pertanian, tetapi difahamkan juga masih banyak lagi yang belum di'commercialise'kan.

Keduanya, kita juga tahu bahawa banyak pula kerajaan melalui IRPA ataupun penekanan penyelidikan dalam bidang prioriti industri memperuntukkan sehingga RM1 bilion untuk penyelidikan dan pembangunan. Dari peruntukan ini, 70% daripadanya telah ditujukan dan diberikan kepada bidang pertanian ataupun bidang-bidang yang berkaitan dengan pertanian.

Selain daripada itu, kita juga faham dan maklum bahawa banyak dari kelulusan ini dijalankan di dalam bidang pertanian oleh universiti-universiti tempatan, termasuk Universiti Putra Malaysia yang dahulunya dinamakan Universiti Pertanian Malaysia. Jadi, saya rasa ini adalah satu gerak kerja ataupun satu kegiatan yang menggalakkan dan tentu sekali kita harus menyokong dan kita rasa bangga juga dengan pelbagai penemuan ini yang dapat menghasilkan peningkatan daya usaha, daya produktiviti dan juga keluaran kita.

Tuan Pengerusi, tindakan-tindakan ini iaitu dari segi penyelidikan dan pembangunan adalah bertujuan untuk kita menyusun semula sektor pertanian ini dalam konteks perubahan-perubahan negara, iaitu perubahan struktur ekonomi yang dilaksanakan di bawah dasar pembangunan negara dan dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Yang Kelima yang lepas, termasuk yang terakhir ini dan peruntukan bagi tahun ini jelas hampir RM2 bilion untuk tujuan sektor pertanian.

Saya ingin membangkitkan perkara ini kerana ini adalah satu pendekatan yang sangat penting dalam konteks kita mahu menyesuaikan ekonomi kita kepada bidang perindustrian dan bidang perkhidmatan dan dengan itu juga mengeluarkan kelebihan bahan-bahan pertanian, bukan sahaja untuk menampung keperluan dalam negeri dari segi makanan dan sebagainya, tetapi juga sebagai satu bidang eksport yang sedang dicadangkan dan digalakkan supaya dieksport lebih banyak dalam konteks Belanjawan 1998 ini untuk menampung masalah akaun semasa kerajaan dan juga negara.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan dan juga meminta pihak kementerian sama ada dapat memberi satu gambaran kepada Dewan ini apakah kesan-kesan dan manfaat yang kita telah perolehi daripada perbelanjaan yang telah diajukan kepada sektor pendidikan dan pembangunan ini melalui MARDI dan lain-lain badan serta juga universiti-universiti tersebut. Dari segi komersialisasi dan impaknya ke atas pengeluaran dan apakah rancangan masa depan berkaitan dengan isu ini.

Sehubungan dengan ini, kita juga tahu bahawa perubahan yang begitu pesat dalam ekonomi negara kita telah membawa perubahan yang mendadak dalam bentuk bukan sahaja ekonomi tetapi juga bentuk dan corak kependudukan dan penempatan. Hasil daripada melaksanakan Dasar Pembangunan Negara yang menggantikan DEB dahulu ialah supaya kita memindahkan golongan daripada luar bandar iaitu kaum bumiputera utamanya, ke bandar untuk memberi serap masuk dalam bidang-bidang perindustrian dan di bandar-bandar dalam bidang perkhidmatan. Pusat ini telah berjalan begitu hebat dan juga dalam keadaan pertumbuhan yang begitu baik, yang kita hadapi selama ini, kita telah berjaya mengubah corak eksport, berjaya mengubah struktur ekonomi dan terus membandar kawasan-kawasan luar bandar dan memindah penduduk hingga ke bandar. Penghujung abad ini kita menjangkakan lebih 50% daripada penduduk kita adalah di kawasan bandar dan majoriti orang Melayu juga adalah golongan bandar.

Dalam konteks ini kita juga melihat dengan pertumbuhan yang begitu pesat dari segi ekonomi dan sektor hartanah bahawa terdapat pelbagai macam conversion oleh kawasan-kawasan pertanian, umpamanya yang di pinggir kawasan bandar bertujuan untuk dijadikan kawasan perumahan. Dan juga di kawasan-kawasan luar bandar diambil alih untuk tujuan dijadikan tapak-tapak perindustrian sama ada estet, ladang ataupun sebagainya, lebih-lebih lagi berhampiran dengan Lebuh raya Utara-Selatan yang telah membuka kawasan-kawasan ini kepada perindustrian, ini adalah dirancangan.

Dalam hal itu, maka saya merasakan bahawa sudah tiba masanya mungkin pihak kementerian dan kerajaan mengkaji semula Dasar Pertanian Negara supaya seperti dalam Industrial Master Plan, hasil pencapaian ataupun ada perubahan corak untuk menyesuaikan dasar itu kepada kehendak abad ke-21 sama ada dalam konteks yang sama dan telah mewujudkan dan melancarkan IMP Kedua, sama ada bagi Dasar Pertanian Negara sudah juga tiba masanya bagi ini dikaji semula dan dikaji secara rapi apakah langkah yang kita laksanakan setakat ini sudah memberi hasil ataupun kalau ada kekurangan, apakah langkah-langkah untuk kita dalam pada masa yang akan datang ini, termasuk juga dari segi keperluan buruh dan sebagainya.

Jadi, itu sahaja saya hendak sebutkan. Sekian.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Pasir Mas.

5.47 ptg.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor [Pasir Mas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai dengan Butiran 060000 Pemberian Subsidi Harga Padi dan juga 070000 Pemberian Subsidi Baja Padi.

Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya, kawasan Parlimen Pasir Mas adalah merupakan lebih daripada 60% penduduknya adalah petani dan kawasannya 75% adalah kawasan pertanian. Rata-rata rakyat di kawasan saya mengucapkan penghargaan terima kasih kepada kerajaan di bawah Kementerian Pertanian kerana telah memberi subsidi baja padi sekian lama kepada petani-petani yang rata-ratanya petani ini adalah golongan yang miskin.

Walaupun negeri Kelantan sejak tahun 1990 telah diperintah oleh kerajaan pembangkang iaitu kerajaan PAS tetapi Kerajaan Persekutuan dengan niat yang baik masih memberi lagi subsidi baja padi ini kepada petani-petani dengan kadar 6 kampil bagi satu ekar kawasan pertanian padi itu. Tetapi oleh kerana cara penanaman padi sekarang ini telah berubah, kalau dahulu caranya ialah cara cedung tetapi sekarang ini oleh kerana petani-petani kita telah menemui benih padi yang baik iaitu secara taburan terus dan ini juga boleh menjimatkan kos petani-petani itu, dia tidak payah mengupah mencari pekerja ataupun menggunakan tenaga sendiri untuk mencedung benih padi itu, oleh kerana secara taburan ini melibatkan baja yang banyak. Jadi, dengan pemberian sebanyak 6 ekar sekampil ini tidak boleh memberi hasil yang baik, boleh memberi penyuburan kepada benih-benih padi itu sehingga dapat menghasilkan pendapatan yang lumayan kepada petani-petani kita.

Tuan Pengerusi, kos kerja atau perbelanjaan untuk boleh menghasilkan padi ini daripada kerja menggala dan menabur benihnya, meracun, menjaga serangga daripada yang boleh membunuh hasil tanaman padi itu telah banyak melibatkan perbelanjaan oleh petani-petani. Tambahan pula racun padi ini, sekarang ini racun padi juga bukan berkurangan malah harganya agak tinggi sedikit. Saya difahamkan bagi satu ekar ini petani terpaksa membelanjakan tidak kurang daripada RM50 harga racun padi itu.

Saya meminta dan berharap kepada.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta penjelasan sedikit. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Pasir Mas ini sebut racun padikah atau racun musuh-musuh padi? Kalau racun padi, kacaulah. *[Ketawa]* Hendak tanya yang itu.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya Yang Berhormat dari Pokok Sena itu hendak mainkan saya sahaja. Kalau petani guna racun untuk membunuh padi dia, tidak munasabah, tetapi racun untuk membunuh serangga padi.

Jadi, saya meminta dan berharap kepada kementerian, kepada Dato' Timbalan Menteri dan juga Dato' Setiausaha Parlimen yang ada pada hari ini, bagi pihak rakyat, saya rasa bukan sahaja rakyat saya di Pasir Mas, juga petani-petani di seluruh negara memohon kepada kerajaan supaya mengkaji semula, pertamanya, pemberian subsidi baja padi daripada 6 kampit kepada 8 kampit bagi mencukupi untuk memberi hasil yang baik kepada petani-petani kita yang mengusahakan tanaman padi ini. Jadi, tambah satu lagi tiap-tiap jenis; satu urea dan satu campuran, menjadikan 6 kampit.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Ya, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, pernah saya nampak beg baja yang diberi kepada petani itu ada cap 'dacing', tetapi pada masa sekarang tidak tahulah, sebab saya tidak turun ke sawah untuk tengok dengan mata sendiri. Adakah munasabah subsidi yang diberi oleh kerajaan kepada petani tetapi dicap 'dacing' iaitu lambang Barisan Nasional. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Pengerusi, soal cap dacing atau cap apa, itu hak kerajaan kita. Jadi, dia hendak beri percuma ini, dia hendak suruh juga rakyat dia tahu siapa yang beri. Jadi, kalau DAP menang barangkali, dia juga buat cap roket. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Tak akan berlaku!

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Pengerusi, jadi saya memohon kepada kementerian supaya mengkaji semula pemberian subsidi padi ini daripada 6 kampit kepada 8 kampit dan juga racun padi ini diberi perhatian dan kajian semula supaya harga racun serangga padi ini

dikurangkan daripada harga yang ada sekarang ini kepada harga yang lebih munasabah bagi mengurangkan lagi kos pertanian penanaman padi ini dan boleh memberi hasil yang lumayan kepada petani-petani kita.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya juga meminta kepada kementerian supaya mengkaji semula pemberian subsidi harga padi kepada petani-petani di seluruh negara, kerana apa yang saya difahamkan harga pemberian subsidi padi yang ada sekarang ini ialah harga yang sekian lama, tidak kurang daripada 15 tahun, saya rasa. Jadi, dengan keadaan sekarang ini petani-petani kita menghadapi kenaikan harga, macam-macam sekarang ini semuanya sudah naik, jadi subsidi padi ini daripada RM400 juta yang telah diberikan oleh kerajaan, ini pun petani sudah mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan, sebab itu petani-petani di luar bandar sekarang ini telah banyak menyokong Barisan Nasional, cuma di Kelantan sahaja. Insya-Allah, dalam pilihan raya akan datang kalau harga subsidi padi ini dikurangkan, di Kelantan juga kita boleh menang besar dalam pilihan raya yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bukit Mertajam.

5.57 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran B. 030000 Pengairan dan Saliran dan Butiran P. 07800 Rancangan-rancangan Pengairan, Saliran, Mencegah Banjir dan Pemeliharaan Sungai, Pulau Pinang.

Anggaran tahun 1998 bagi Program B. 030200 Perkhidmatan Teknikal sebanyak RM7.9 juta disambut baik kerana perkhidmatan teknikal diperlukan untuk membantu merekabentuk sistem pengairan dan saliran, membuat kajian topografi muka bumi dan sungai-sungai. Saya ingin sarankan supaya JPS dapat memberi input-input teknikal kepada segala pembangunan fizikal di semua kawasan supaya pembangunan tidak membawa kesan yang negatif pada alam sekitar, terutama sekali dalam aspek pengaliran air melalui sungai-sungai ke laut. Dalam hal ini, cadangan dan pandangan daripada pihak JPS perlu diambil kira dengan lebih serius oleh Bahagian Perancang Kerajaan Tempatan apabila mempertimbangkan kelulusan projek-projek perumahan supaya projek yang dibina itu tidak menghadapi masalah banjir atau runtuh tanah seperti yang banyak kali berlaku di tempat-tempat rendah dan juga di kaki bukit.

Anggaran tahun 1998 bagi Butiran P. 07800 sebanyak RM300,000 tidak mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja membinakan saluran parit konkrit, mendalamkan sungai-sungai di Seberang Perai, membinakan pintu-pintu air dan memasang pam-pam dengan kapasiti besar di lokasi-lokasi strategik untuk mengeluarkan air ke laut semasa musim air laut pasang dan hujan lebat.

Daripada anggaran RM1.9 juta bagi tempoh lima tahun (1996-2000), sebanyak RM600,000 telah dibelanjakan bagi tahun-tahun 1996 dan 1997 untuk tujuan di atas. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian atas kejayaan menyelesaikan masalah banjir di kebanyakan kawasan perumahan di Bukit Mertajam, kecuali satu atau dua kawasan kecil yang masih dilanda banjir. Saya berharap dengan usaha Kementerian Pertanian melalui JPS, keadaan akan kian bertambah baik.

Saya juga ingin mencadangkan satu projek yang diberi nama Koridor Senaman dan Rekreasi di sepanjang ban parit JPS di kawasan Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam, yang sudah pulih daripada keadaan banjir teruk dalam tahun 1995. Ban-ban yang sedia ada sekarang merupakan tempat yang sesuai sekali untuk dijadikan tempat bersenaman, jogging, bersiar-siar di sebelah pagi dan petang. Saya cadangkan idea ini dan berharap Kementerian Pertanian melalui JPS akan menyumbang ke arah pembangunan Koridor Senaman dan Rekreasi yang panjangnya lebih kurang 5 kilometer. Dicadangkan pelbagai item senaman bercorak parcourse, reflexology path, pondok rehat pada jarak setiap kilometer, tanaman pokok-pokok bunga, disediakan sepanjang ban. Dalam hal ini, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Pejabat Daerah SPT, sektor swasta akan diminta menyumbang juga. Manakala MSC (Multimedia Super Corridor) membawa Malaysia ke abad IT, saya yakin KSR (Koridor Senaman dan Rekreasi) ini dapat membawa rakyat jelata Bukit Mertajam ke arah gaya hidup yang sihat.

Butiran 050000 Perikanan dan Program 050200 Pengurusan dan Perlindungan Sumber.

Sungai Juru, Seberang Perai, telah dikenal pasti sebagai sungai yang tercemar oleh perunding-perunding kualiti air daripada Universiti Sains Malaysia beberapa tahun dahulu. Pencemaran oleh sampah sarap, najis dari rumah-rumah kediaman dan efluen toksid dari kilang-kilang berhampiran menambah pencemaran air dan juga 'mangrove swamp' yang berdekatan, memusnahkan tempat pembiakan ikan, udang, ketam, kerang, kini telah

mula mengancam mata pencarian lebih daripada 300 orang nelayan di kawasan ini. Kajian telah menunjukkan Biological Oxygen Demand (BOD), Chemical Oxygen Demand (COD), Faecal Choleform (FC) dan indeks pencemaran oleh sisa toksid dan logam berat tinggi. Industri kerang yang membawa pendapatan lebih kurang RM8 juta setahun kini diancam oleh pencemaran sungai dan kualiti yang kian bertambah serius.

Saya berharap Kementerian Pertanian dapat memberi bantuan dalam membersihkan Sungai Juru dan Kuala Juru daripada sampah sarap, sisa toksid dari kilang-kilang untuk memulih keadaan sungai. Saya juga ingin menyeru kementerian mengambil langkah-langkah supaya kawasan mangrove swamp di pinggir laut tidak dimusnahkan oleh industri kilang yang memotong mangrove untuk menstorkan bahan-bahan besi untuk pembinaan kilang dalam air. Persatuan Nelayan Juru telah menunjukkan bantahan mereka terhadap perbuatan kilang-kilang yang mengancam mata pencarian nelayan-nelayan.

Dalam Butiran P. 00900 Projek Pertanian Yang Lain, saya tertarik oleh peruntukan yang sudah diberi untuk pembangunan Taman Bukit Cahaya, Sri Alam dengan jumlah kos projek RM85.592 juta dan setakat ini telah diperuntukkan RM1.5 juta bagi tahun-tahun yang lepas. Malangnya bagi tahun depan tidak ada diberi peruntukan substantial untuk meneruskan pembangunan Taman Bukit Cahaya, yang sudah menjadi contoh cemerlang Taman Hutan Lipur. Saya berharap Kementerian Pertanian akan cuba mendapatkan peruntukan berterusan untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan yang terancang untuk Taman Bukit Cahaya ini.

Pembangunan Hutan Lipur sebagai kawasan sukan, rekreasi dan pelancong 'agro-tourism' memang tidak terhad kepada kawasan-kawasan seperti Taman Bukit Cahaya, Hutan Lipur FRIM (Forest Research Institute of Malaysia) Kepong dan yang luas sekali Taman Negara di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Saya berasa bangga kerana di Bukit Mertajam pun ada sebuah Hutan Lipur Cerok To'kun yang kini sudah menjadi tempat kunjungan ramai, tua atau muda, untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mendaki bukit dan menikmati udara segar serta pemandangan yang indah.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyarankan supaya satu lagi hutan lipur dibangunkan di kawasan Bukit Juru, Seberang Perai Tengah. Saya telah mengemukakan satu rancangan membangunkan Hutan Lipur Bukit Juru kepada

Pejabat Daerah, Jabatan Hutan dan pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai. Pejabat Daerah dan Jabatan Perhutanan telah pun membuat satu kajian kemungkinan dan akan memohon peruntukan kerajaan pusat bagi projek tersebut. Saya berharap pihak Kementerian Pertanian dapat memberi peruntukan untuk menjayakan projek Hutan Lipur Bukit Juru yang akan meliputi jalan menaiki bukit, menara pokok, titi gantung, tapak kem belia, pengenalan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan bukit dan lain-lain lagi. Saya yakin projek ini akan membawa banyak faedah kepada penduduk tempatan.

Dengan kata-kata itu, saya minta perhatian kementerian terhadap isu-isu yang saya bangkitkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Pokok Sena.

6.07 ptg.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap berhubung dengan Butiran 010000, Program 010300, Butiran 060000 dan 070000.

Dalam kawasan saya boleh dikatakan yang ada ialah padi dan dusun sahaja, macam Pasir Mas juga. Dusun pun sedikit, lebih kurang 75% padi. Jadi, masalah dalam kawasan saya ialah penanam-penanam padi. Di sini saya hendak beritahu sedikit kepada Menteri Pertanian, Timbalan Menteri Pertanian tolonglah.....

Seorang Ahli: Setiausaha Parlimen.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Setiausaha Parlimen, dia memang penanam padi, tolonglah siasat betul-betul, ambil perhatian betul-betul, tolonglah rekomen sedikit, kalau dapat pun petani ini bukan hendak jadi jutawan, cuma hendak hidup sahaja. Sebab sekarang ini penanam padi cuma just to survive, dengan izin, sebab dia ada banyak masalah, musuh terlampau banyak. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tahukah nama musuh-musuh padi?

Saya hendak tolong baca, macam-macam, kalau kita dengar dari segi serangga ada bena perang, bena belakang putih, sekejap lagi saya hendak berbalik kepada racun, selepas itu ada kersing, pianggang, cenagas, siput gondang emas - nama cantik tetapi dia menjadi musuh kepada penanam-penanam padi. Selepas itu ada tikus pula, ada kutu trip, ulat gulung daun, ulat layar, ulat penggores batang, ulat ratus,

kutu beruang, macam-macam punya kutu. Selepas itu, penyakit padi pula ada bintik perang, hawar daun, bakteria, jalur daun bakteria, hawar seludang, hawar daun merah, macam-macam lagi. Ini masalah yang saya bangkitkan kerana tiap-tiap penanam padi kena membelanjakan sekurang-kurangnya RM50 satu relung untuk racun. Racun ini cukup cerdik, tidak masuk tapak itik, janggut keli, tumbuh-tumbuhan yang ada dalam bendang padi. Serangga ini dan juga tumbuh-tumbuhan yang menjadi musuh padi ini pula menggunakan racun yang spesifik. Kalau tumbuh-tumbuhan yang dipanggil janggut keli itu, bubuh racun lain dia tidak mati, kena bubuh racun jenis dia. Sebab itu penanam padi ini kena beli banyak jenis racun dan jumlahnya, untuk pengetahuan timbalan menteri, lebih kurang RM50 satu relung. Ini dia punya cost of production, dengan izin. Ini apa kata orang tanam padi tidak tahu cakap orang Putih pula, gagahlah sedikit. Itu hal racun.

Selain daripada musuh-musuh padi ini, harga padi pula. Harga padi sekarang ini RM49.61. Jadi setengah petani itu dia untung kadang-kadang kilang-kilang ini dia tip kepada drebar atau tip kepada penjual padi, itulah dia untung sedikit. Tetapi sebenarnya harga yang ditetapkan oleh kerajaan ialah RM49.61. Jadi saya merayulah di sini bagi pihak penanam-penanam padi, rumah saya kalau Tuan Pengerusi pergi tengok, betul-betul di tengah bendang - a white house on the paddy field - Rumah Wakil Rakyat Ahli Parlimen Pokok Sena. Tetapi bila datang musim hendak menanam, rumah itu tidak berapa jadi warna putih, warna kelabu sedikit sebab depa dok bajak.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya harga padi ini dinaikkan kepada RM60.00. Kalau kita beri subsidi, subsidi itu tidak dapat kepada petani, direct tidak dapat, barangkali tuan tanah, barangkali dengan cara-cara lain. Saya minta supaya harga padi itu dinaikkan sedikit, saya mencadangkan RM60.00. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan dok takut, bawa pergi ke Kabinet. Ini yang akan menguntungkan penanam padi, bukan orang lain, bukan hendak menguntungkan orang-orang kaya, tetapi hendak menguntungkan orang miskin - penanam padi, janganlah dok takut hendak mencadangkan, jangan dok dengar pegawai sahaja, pegawai balik, alright, penanam padi semua selesa, makan tiap-tiap hari. Memanglah penanam padi ini makan tiap-tiap hari. Orang Kedah pula makan beras banyak, lauk itu kurang sedikit, tidak apa, nasi itu beri banyak, nasi dengan kuah pun sudah cukup. Jadi, tolonglah

siyasat betul-betul perkara ini. Minta pegawai-pegawai itu turun ke bawah menyiasat tentang masalah penanam-penanam padi ini.

Sekarang ini kita tengok semua harga naik, pertama sekali harga racun. Saya hendak baca di sini harga racun dahulu dan harga racun sekarang. Kalau racun Dupont, dahulu RM14.50, sekarang RM15.50, naik RM1.00 sahaja. Pada kita naik RM1.00 okaylah, tetapi kepada petani teruk juga. Selepas itu, Bioscience - ada macam-macam, Gramaxone, Gramaxone 4, Gramaxone 4 kg., Karate 500 ml., macam-macam, ini timbalan menteri tahulah, orang lain macam DAP tidak tahu, depa orang pekan, macam Yang Berhormat Jelutong ini tidak tahu langsung, dia tahu kisah Jelutong dia sahaja di sebelah Pulau Pinang itu, tambah Tuaran pun tidak tahu langsung ini. *[Ketawa]* Gramaxone dahulu harganya RM11.70, sekarang RM12.80.....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tuaran bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dia bukan ada padi di sana, tidak payah kacaulah, saya tidak ada masa ini. Jangan kacau saya, sebab saya hendak baca ini. Kalau saya untung dalam perniagaan ini, Yang Berhormat pun untung juga. Jadi benda-benda ini semua naik harga, dari RM35.50 naik kepada RM39.10, RM12.80 naik kepada RM14.10, RM23.20 naik kepada RM26.20. Ini contoh-contoh bahawa semua harga racun ini naik. Harga racun naik, tetapi harga padi tidak naik. Ini contoh, kalau hendak, saya beri salinan sebab ini saya baca, saya pun hendak jawab bertulis jugalah. Saya pun hendak beri cara bertulis kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab dia pun selalu jawab bertulis, kita pun cakap cara bertulis. Jadi semua harga racun ini naik.

Jadi, apa salahnya naikanlah harga padi itu sama. Bukan orang lain hendak untung, petani-petani kita, selepas itu kita beri subsidi. Saya tidak bersetuju subsidi ini untuk menolong petani. Subsidi ini menolong orang pekan ini supaya kerajaan kontrol harga padi. Orang yang tanam padi tidak boleh jual padi ikut suka dia. Cuba beri kebenaran dia jual padi ikut suka dia, selepas itu kita kontrol jangan bawa masuk padi, baru petani boleh jadi jutawan, boleh jadi kaya. Ini kita beri subsidi, kita beritahu kepada petani, awak kena jual padi harga RM49.61 sahaja. Selepas itu, kita bawa masuk pula padi daripada Laos, daripada Thailand, daripada Kemboja, selepas itu puak-puak ini susahlah.

Cuba beri chance dia jual harga ikut suka dia, setakat cost of production dia, baru boleh jual mahal sedikit. Sekarang hendak jual mahal tidak boleh, kerajaan kontrol. Subsidi itu bukan menolong petani, tetapi menolong orang-orang di dalam bandar, beli beras murah, betulkah Yang Berhormat Timbalan Menteri? Angguklah sekali! *[Ketawa]* Parah tak angguk ini. Saya tengok setiausaha parlimen begini sahaja sokong saya, timbalan menteri tidak sokong saya, macam mana?

Jadi, Tuan Pengerusi.....

Seorang Ahli: Sila gulung.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sila gulung.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat memang sudah suntuk.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Masa sudah cukup, saya ingat baru punya Timbalan Speaker, dia pula suruh saya gulung.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Kementerian Pertanian tolonglah naikan harga padi ataupun tambah subsidi baja, kalau boleh kesemua ini naik, subsidi racun ataupun kontrol harga racun ataupun beri jumlah petani-petani belanja untuk racun, misalnya RM50 satu relung itu, kerajaan tolong subsidise, naikan harga padi ataupun beri duit cash pun tak apalah. Kalau sudah tidak boleh beri, kawal harga racun ini jangan beri naik. Kalau boleh, suruhlah pihak yang buat research ini supaya dua, tiga jenis racun sahaja untuk padi ini, dia tabur, semua pergi, cuma padi sahaja yang tidak pergi.

Saya seriau juga bila dengar Pasir Mas kata tadi racun padi. Yang ini kerajaan beri racun padi, pergilah saya. Jadi kita racun musuh-musuh padi ini, kita kontrol, kita buat kajian supaya tidak banyak sangat macam sekarang ini petani-petani terpaksa membeli bermacam-macam jenis, kadang-kadang lima, enam jenis untuk satu musim. Sungguhpun selama ini Kementerian Pertanian banyak membuat, tetapi saya harap banyak lagi boleh dibuat supaya kita dapat mencapai matlamat kita untuk memajukan kesahtraan penanam-penanam padi dan juga kita dapat melebihi hasil untuk keperluan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bagan.

6.18 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, cuma singkat sahaja. Butiran 040000 Perkhidmatan Haiwan - harga ayam.

Harga ayam pada masa sekarang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Harga ayam hidup ex-ladang penternak pada masa sekarang ialah RM2.70 satu kilo tetapi kos untuk menternak ayam adalah RM3.00 sekilo. Tambahan pula dengan kejatuhan nilai mata wang Ringgit berbanding dengan US\$5.00 perlulah ditambah kepada satu kimpit makanan ayam 50 kilo. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bukanlah mahir dalam menyelesaikan harga menternak ayam, sebab itulah saya menyeru supaya tanggungjawab untuk menetapkan harga ayam dikembalikan kepada Kementerian Pertanian dan juga Pengarah Veterinar. Jikalau kami membiarkan harga RM2.70 satu kilo ex-ladang penternak, maka banyak ladang penternak ayam akan ditutup.

Saya juga ingin menyentuh kepada tajuk Penternak Khinzir. Pada masa sekarang boleh dikatakan di semua negeri di negara kita sedang membangun dan ladang-ladang menternak khinzir, oleh kerana pengaduan yang banyak, mereka diusir, mereka disaran atau diminta untuk menutup ladang mereka. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Sembilan telah memperuntukkan satu kawasan khas untuk menternak khinzir. Ini adalah satu amalan yang baik. Saya berharap kementerian boleh menasihati semua kerajaan negeri boleh menetapkan satu kawasan supaya penternak-penternak khinzir dapat menternak haiwan ini di satu tempat yang khas di mana juga kalau boleh dibinakan loji pembersihan atau loji najis haiwan ini supaya mereka boleh menternak haiwan ini dengan tidak mengganggu kepada sesiapa.

Tuan Pengerusi, saya agak senang sahaja kerajaan mahu mengharamkan atau mahu phase-out, dengan izin, menternak ayam atau khinzir - senang sahaja, cuma jangan beri lesen, jangan beri apa-apa cara bantuan. Tetapi akhirnya apa yang akan terjadi, dalam negara kita tidak dapat daging ayam segar, tidak dapat bekalan khinzir dan kami terpaksa mengimport makanan ini dari luar negeri. Tetapi pada masa sekarang kerajaan sedang menyeru rakyat membeli produk-produk Malaysia.

Dengan ini saya berharap kedua-dua perkara ini dapat diperhatikan oleh kementerian. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kangar dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

6.20 ptg.

Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita dapati banyak perubahan berlaku. Saya masih ingat satu masa dahulu Jabatan Pertanian dikenali sebagai Jabatan Pejabat Tanam-tanaman, kemudian berubah menjadi Pejabat Pertanian. Begitu juga Kementerian Pertanian, satu masa dahulu dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Perikanan, sekarang dikenali sebagai Kementerian Pertanian. Apa pun yang berlaku kita dapati petani-petani kita juga turut berubah. Namun begitu, petani-petani kita tidaklah termasuk dalam golongan yang berada dan kita dapati bahawa sebilangan besar daripada golongan PPRT adalah datangnya daripada sektor pertanian.

Di sini sukacitalah supaya pendekatan baru dibuat oleh Kementerian Pertanian, terutama sekali dari segi Dasar Pertanian Negara perlu dipercepatkan dengan pendekatan yang lebih konkrit sama ada pendekatan kita untuk membawa petani kita menjadi petani (farmer) atau menjadi agriculturist ataupun menjadi planter, dengan izin. Jadi, pendekatan ini perlulah kita buat kerana kalau kita biarkan nama Kementerian Pertanian ini seperti sedia kala sekarang, bererti pendekatannya tidak berubah. Kalau kita mahu sektor pertanian ini membangun dan petani-petani kita menjadi maju, bererti kementerian ini perlu mengubah nama, misalnya nama asal sekarang kepada Kementerian Pembangunan Industri Pertanian dan Makanan, kerana kita berharap supaya pertanian dan perikanan menjadi satu industri, kalau tidak, petani-petani kita terlibat dalam usaha-usaha untuk menanam ataupun sebagai pengeluar. Begitu juga dalam sektor perikanan, petani-petani kita terlibat dari segi untuk menangkap ikan semata-mata.

Sehubungan dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena tadi, kerana petani-petani kita perlukan insentif sepertimana yang disebut oleh Tanjong Karang tadi, kerana negara-negara maju pun bergantung kepada bantuan kerajaan dalam sektor pertanian apatah lagi negara kita yang sedang membangun ini. Daripada subsidi, kita ubah menjadi insentif, supaya dari segi psikologinya, dari segi pemikirannya, dari segi jiwanya bahawa manusia petani ini dapat bergerak dengan lebih maju lagi. Kalau dalam sektor industri perkilangan kita dapat beri bermacam-macam insentif, apakah kita tidak boleh bersikap lebih murah lagi bahawa kita bantu kepada golongan yang berpendapatan rendah ini iaitu golongan petani yang sentiasa golongan ini tidak

pernah lari daripada memberi sokongan kepada kerajaan. Kalau kita banding dengan golongan kaya baru-baru ini apabila ekonomi jatuh, kerajaan dipersalahkan. Tetapi dalam krisis ekonomi begini, kita dapati petani-petani tetap sentiasa bersama-sama dengan kerajaan. Apa jadi sekalipun, petani kita tetap bersama kerajaan. Buktinya, dalam ketiga-tiga pilihan raya kecil baru-baru ini, Barisan Nasional menang juga. Itu menunjukkan dalam apa keadaan sekalipun petani-petani kita di luar bandar tetap menyokong Kerajaan Barisan Nasional.

Sehubungan dengan itu, Tuan Pengerusi, saya berharap supaya subsidi ataupun insentif harga padi dan insentif baja padi ini dapat disampaikan kepada yang berhak, kerana dalam kawasan saya ada petani dalam kawasan MADA, ada petani dalam kawasan IADP, ada setengah petani ini tidak mempunyai tanah tetapi menyewa tanah. Adalah tidak adil sekali kalau insentif padi dan insentif baja ini diberi berasaskan geran tanah semata-mata kerana yang mempunyai geran itu ada juga yang tidak menjadi petani. Apa yang penting sekali bahawa insentif-insentif ini diberikan kepada yang benar-benar menjadi petani ataupun petani tulen.

Di samping itu juga, sukacitalah saya menyentuh sedikit tentang P.19, Butiran 01008 iaitu IADP, Perlis di mana kita dapat peruntukan sebanyak RM1.8 juta. Di bawah IADP, Perlis, kebanyakan kawasan IADP ialah dalam kawasan Parlimen rakan saya dari Padang Besar dan sebahagian dalam kawasan Parlimen Kangar. Kita dapati projek IADP di Perlis menumpukan kepada tanaman mempelam dan mempelam ini terkenal di seluruh negara, iaitu harum manis. Oleh kerana negeri ini keluasanya tidak begitu luas, iaitu lebih kurang 800 kilometer persegi ataupun 310 batu persegi, kita dapati dari segi keluasan untuk menanamnya adalah tidak begitu luas, namun begitu kita dapati petani-petani kita tetap berusaha apa sahaja yang dibawa oleh kerajaan dan kita dapati bahawa projek-projek IADP ini banyak juga yang tidak berjaya.

Saya berharap dengan peruntukan yang ada ini dapatlah agensi-agensi berkenaan menumpukan perhatian, memfokuskan tumpuan untuk membaiki lagi pengeluaran mempelam harum manis ini di negeri Perlis. Kita dapati juga bukan sahaja.....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Ya, sila. Rakan saya minat sangat dengan saya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tempoh hari saya ada beli buah pelam dari Kangar, satu kilo RM6.00. Tetapi bila balik ke rumah, potong, ada terdapat insect bores - ulat hitam. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Md. Isa bin Sabu: Terima kasih. Nampaknya rakan saya dari Bagan ini suka mempelam Perlis, terima kasih. Memang itulah masalah yang kita hadapi yang saya minta kita tumpukan.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat bersetujukah dengan saya kerana Bagan tidak erti pilih buah, buah buruk pun dia beli, jadi mungkin hak itu buah dari Siam, depa campak di Perlis. Sebab saya tahu sebagai Pengerusi FAMA, buah Perlis semua elok-elok. Hak Perlis ini buah apa pun baik, Tuan Pengerusi, sungguh ini.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat dari Yan. *[Ketawa]* Di Perlis ini bukan sahaja buah mempelam, Tuan Pengerusi, buah laici pun ada, tetapi pokoknya di Thailand.

Di samping itu juga, Rancangan Tebatan Banjir, Perlis, iaitu Butiran 17120, Perlis mendapat RM3 juta. Kita dapati kawasan yang selalu dapat banjir sebahagian besarnya ialah kawasan Parlimen Padang Besar.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung sebelum hari suntuk.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Sedikit sahaja, jam 6.30 petang, saya berhenti. Sungguhpun banjir di kawasan Padang Besar yang mana air mengalir ke selatan, iaitu kawasan Parlimen Kangar. Jadi, kita dapati banyak tali air yang perlu kita baiki dan banyakkannya lagi kunci-kunci air di sungai-sungai atau tali air yang ada di negeri Perlis, kerana di Perlis ini kita dapati kebanyakan kawasan yang banjir ialah kawasan luar bandar dan kerugian yang dihadapi oleh penduduk luar bandar sungguhpun kecil tetapi amat besar bagi mereka dan tanggungan mereka itu merupakan satu tanggungan yang amat besar.

Kita dapati juga dalam rancangan tebatan banjir ini ada satu sumber air yang dapat dikenal pasti di Perlis iaitu di Sungai Arau, kerana satu masa dahulu ada pihak kerajaan negeri pernah berura-ura untuk mengadakan satu lagi empangan, iaitu Empangan Arau di samping sekarang kita sudah ada satu Empangan Timah Tasuh, sungguhpun Empangan

Timah Tasuh ini tujuan asalnya untuk pertanian tetapi telah pun dialih tujuan bekalan airnya untuk domestik kerana pada pandangan kerajaan yang penting sekali ialah jaga manusia, bukan jaga tanaman. Begitu jugalah dalam Kementerian Pertanian ini yang disebut oleh Pokok Sena tadi, yang jadi masalah bukan padi tetapi petani itu sendiri. Jadi, macam mana kita hendak jaga petani supaya dapat mempertingkatkan pengeluaran.

Dengan kata-kata itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong belanjawan untuk Kementerian Pertanian ini. Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:
[Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Hari sudah suntuk, Yang Berhormat. Kita sambung besok.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sambung besok. Sempat sedikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ikut. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.